Dato' Ahmad Pardas bin Senin, aged 53, a Malaysian, is a Non-Independent Non-Executive Director of Pharmaniaga. He was appointed on 1 July 2004. He is currently the Managing Director/Chief Executive Officer of United Engineers (Malaysia) Berhad. He is also the Managing Director/Chief Executive Officer of UEM World Berhad, Deputy Chairman of PLUS Expressways Berhad, Project Lebuhraya Utara-Selatan Berhad, UEM Builders Berhad and Costain Group Plc. Between April 2003 to June 2004 he was seconded to Silterra Malaysia Sdn Bhd. ("Silterra"), a subsidiary of Khazanah Nasional Berhad as Executive Director. At present, he remains a Non-Executive Director of Silterra. His past appointments included being Managing Director of Time Engineering Berhad, Executive Director / CEO of TimedotCom Berhad, Group Managing Director of UEM Land Sdn Bhd, Chief Operating Officer and Managing Director of EPE Power Corporation Berhad, General Manager, Finance in Renong Berhad and 17 years with the British-American Tobacco Group. He has also served on the boards of Sapura Crest Petroleum Berhad, Faber Group Berhad and the Malaysian Industry-Government Group Technology (MIGHT). He currently also holds directorships in Projek Penyelenggaraan Lebuhraya Berhad, Linkedua (Malaysia) Berhad, Kualiti Alam Sdn Bhd and UEM Environment Sdn Bhd. Dato' Ahmad Pardas is a member of the Remuneration Committee, Nomination Committee and ESOS Committee. He is a Fellow of the Chartered Institute of Management Accountants, a Chartered Member of the Malaysian Institute of Accountants and a Member of the Institute of Internal Auditors Inc.

Dato' Ahmad Pardas Senin, warganegara Malaysia berusia 53 tahun, adalah Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Pharmaniaga. Beliau dilantik pada 1 Julai 2004. Beliau kini merupakan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif United Engineers (Malaysia) Berhad dan UEM World Berhad, Timbalan Pengerusi PLUS Expressways Berhad, Projek Lebuhraya Utara-Selatan Berhad, UEM Builders Berhad dan Costain Group Plc. Dari bulan April 2003 hingga Jun 2004, beliau telah ditugaskan sebagai Pengarah Eksekutif di Silterra Malaysia Sdn Bhd. ("Silterra"), sebuah anak syarikat Khazanah Nasional Berhad. Kini, beliau kekal sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Silterra. Pelantikan beliau sebelum ini termasuklah menjadi Pengarah Urusan Time Engineering Berhad, Pengarah Eksekutif/ Ketua Pegawai Eksekutif TimedotCom Berhad, Pengarah Urusan Kumpulan UEM Land Sdn Bhd, Ketua Pegawai Operasi dan Pengarah Urusan EPE Power Corporation Berhad, Pengurus Besar Kewangan di Renong Berhad dan 17 tahun bersama Kumpulan British-American Tobacco. Beliau juga telah berkhidmat sebagai pengarah di Sapura Crest Petroleum Berhad, Faber Group Berhad dan Malaysian Industry-Government Group technology (MIGHT). Kini beliau juga memegang jawatan pengarah di Projek Penyelenggaraan Lebuhraya Berhad, Linkedua (Malaysia) Berhad, Kualiti Alam Sdn Bhd dan UEM Environment Sdn Bhd. Dato' Ahmad Pardas adalah ahli Jawatankuasa Imbuhan, Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa ESOS. Beliau juga adalah Fellow Chartered Institute of Management Accountants, ahli bertauliah Institut Akauntan Malaysia dan ahli Institute of Internal Auditors Inc.

DATO' RAJA NONG CHIK BIN RAJA ZAINAL ABIDIN

Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, aged 52, a Malaysian, is a Non-Independent Non-Executive Director of Pharmaniaga. He was appointed to the Board on 2 September 1999. He started his career at FELCRA (Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority) in 1978. A year later, he became Manager in Corporate Planning and Finance at Kumpulan Fima Bhd. In 1982, he joined OYL Industries as Executive Director, leading to the formation of a joint venture company named Razatec Sdn Bhd which pioneered a local brand of electrical products called Acson; now recognised in Malaysia as well as overseas. After nine years he left to start Rasma Corporation Sdn Bhd, a Class A mechanical and electrical contractor, where he is the Managing Director and majority shareholder. Presently, he is the President of the Bumiputra Manufacturers' and Service Industry Association of Malaysia and is also a member of Chartered Institute of Management Accountants, Malaysian Institute of Accountants and Chartered Institute of Secretaries and Administrators. He is a member of the Audit Committee. He holds a degree in Economics (Hons) from the University of Wales.

Dato' Raja Nong bin Raja Zainal Abidin, warganegara Malaysia berusia 52 tahun, adalah Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Pharmaniaga. Beliau dilantik ke Lembaga Pengarah pada 2 September 1999. Beliau memulakan kerjaya dengan FELCRA (Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan) pada tahun 1978. Setahun kemudian, beliau telah berkhidmat sebagai Pengurus Perancangan dan Kewangan Korporat di Kumpulan Fima Bhd. Pada tahun 1982, beliau telah menyertai OYL Industries sebagai Pengarah Eksekutif, yang telah membawa kepada pembentukan sebuah syarikat usahasama bernama Razatec Sdn Bhd, iaitu syarikat perintis dalam pasaran barangan elektronik jenama tempatan dikenali sebagai Acson yang kini terkenal di Malaysia dan juga di luar negara. Setelah berkhidmat selama sembilan tahun, beliau meninggalkan syarikat tersebut untuk menubuhkan Rasma Corporation Sdn Bhd, sebuah syarikat kontraktor elektrikal dan mekanikal Kelas A, di mana beliau merupakan Pengarah Urusan dan pemegang saham majoriti. Pada masa ini, beliau adalah Presiden Persatuan Pengilang Bumiputera dan Perkhidmatan Industri Malaysia dan juga ahli Chartered Institute of Management Accountants, Institut Akauntan Malaysia dan Chartered Institute of Secretaries and Administrators. Beliau adalah ahli Jawatankuasa Audit. Beliau mempunyai ijazah Ekonomi (Kepujian) dari University of Wales.

Note:

- i) None of the Directors, with the exception of Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, has any family relationship with any other Director and / or major shareholder nor conflict of interest with Pharmaniaga Berhad.
- ii) None of the Directors have been convicted for offences for the past 10 years (other than traffic offences, if any)
- iii) Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin has family relationship with one of the major shareholders of Pharmaniaga Berhad, Raza Sdn. Bhd.

ISMAEL FARIZ BIN ALI

Independent Non-Executive Director / Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Ismael Fariz bin Ali, aged 43, a Malaysian, is an Independent Non-Executive Director of Pharmaniaga. He was appointed to the Board on 15 November 2001. Prior to his current position as Managing Director of First Floor Capital Sdn Bhd, he was attached with Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd where he was with the Corporate Finance Department and General Manager for Project Advisory. He also holds directorships in Technology Resources Industries Berhad, Celcom (Malaysia) Berhad, Momentum STI Sdn Bhd and ValueCap Sdn Bhd. He is the Chairman of the Audit Committee and member of the Remuneration Committee. He holds a Master of Business Administration (Finance) from University of Iowa, USA.

Ismael Fariz bin Ali, warganegara Malaysia berusia 43 tahun, adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Pharmaniaga yang dilantik ke Lembaga Pengarah pada 15 November 2001. Sebelum memegang jawatannya pada masa ini sebagai Pengarah Urusan First Floor Capital Sdn Bhd, beliau pernah bertugas di Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd dengan Jabatan Kewangan Korporat dan Pengurus Besar bagi Jabatan Penasihat Projek. Beliau juga memegang jawatan pengarah dalam Technology Resources Industries Berhad, Celcom (Malaysia) Berhad, Momentum STI Sdn Bhd dan ValueCap Sdn Bhd. Beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Audit dan ahli Jawatankuasa Imbuan. Beliau berkelulusan ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari University of Iowa, Amerika Syarikat.

DATO' PROF. IR. DR. MOHAMMAD NOOR BIN SALLEH

Independent Non-Executive Director / Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Prof. Ir. Dr. Mohammad Noor bin Salleh, aged 57, a Malaysian, is an Independent Non-Executive Director of Pharmaniaga. Dato' Prof. Mohammad Noor was appointed to the Board on 15 November 2001. Prior to his present position as Vice President of Open University of Malaysia, he was the Vice Chancellor of Universiti Pendidikan Sultan Idris. He has held similar appointment in Universiti Utara Malaysia and was the Deputy Vice Chancellor in Universiti Teknologi Malaysia before that. Dato' Prof. Mohammad Noor chairs the Remuneration Committee and ESOS Committee and sits in the Audit Committee and Nomination Committee. Dato' Prof. Mohammad Noor has a Ph.D. in Civil Engineering from the University of Strathclyde, Glasgow.

Dato' Prof. Ir. Dr. Mohammad Noor bin Salleh, warganegara Malaysia berusia 57 tahun, adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Pharmaniaga. Dato' Prof. Mohammad Noor dilantik ke Lembaga Pengarah pada 15 November 2001. Sebelum memegang jawatan pada masa ini sebagai Naib Presiden Universiti Terbuka Malaysia, beliau adalah Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris. Beliau pernah menyandang jawatan yang serupa di Universiti Utara Malaysia dan pernah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia. Dato' Prof. Mohammad Noor adalah Pengerusi Jawatankuasa Imbuan dan Jawatankuasa ESOS dan menganggotai Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pencalonan. Beliau berkelulusan Ph.D Kejuruteraan Awam dari University of Strathclyde, Glasgow.

Nota:

- i) Tiada Pengarah, melainkan Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, mempunyai sebarang perhubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah lain dan/atau pemegang saham utama serta konflik kepentingan dengan Pharmaniaga Berhad.
- ii) Tiada Pengarah yang pernah disabitkan dengan kesalahan jenayah dalam tempoh 10 tahun lepas (selain daripada kesalahan trafik, jika ada).
- iii) Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin mempunyai perhubungan kekeluargaan dengan salah seorang daripada pemegang saham utama Pharmaniaga Berhad, Raza Sdn. Bhd.

CHALLENGEeverything

Cabar segalanya





Chairman's Statement

penyata pengerusi



Dear Shareholders,

On behalf of the Board of Directors, I am very pleased to present the Annual Report and Audited Financial Statements of Pharmaniaga Berhad for the financial year ended 31 December 2004.

Pharmaniaga's annual report this year focuses on the theme Realising Opportunities. It signifies how we as a group have chosen to look beyond the challenges and focus on the immense opportunities that lay ahead.

Para Pemegang Saham Sekalian,

Saya bagi pihak Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pharmaniaga Berhad yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.

Laporan tahunan Pharmaniaga pada tahun ini memfokus kepada tema Merealisasi Peluang. Ia menggambarkan bagaimana kita sebagai sebuah kumpulan telah mengatur langkah untuk melihat di sebalik pelbagai cabaran yang terbentang sambil memfokus usaha untuk merebut seberapa banyak peluang yang muncul bersamanya.



chairman's statement penyata pengerusi

I am thus, delighted to report that 2004 was an outstanding year for Pharmaniaga, where we were able to build on the experiences of preceding years and embrace those new opportunities to deliver remarkable results.

FINANCIAL PERFORMANCE

Commendable Performance

The year under review saw the Pharmaniaga Group registering the highest turnover ever in our history. We achieved a turnover of almost RM800.0 million, an increase of 26.5 per cent over the previous year's turnover of RM632.6 million.

This growth was driven by key initiatives in three main areas. Firstly, Pharmaniaga successfully secured USD13.3 million worth of contracts to supply pharmaceuticals and medical equipment to the Middle East. Secondly, we grew our private sector sales by 24.1 per cent over the preceding year. Thirdly, we registered an 80.0 per cent increase in the non-concession sales to the government sector.



On the back of strong turnover growth, Group consolidated profit before tax for the year stood at RM81.8 million compared to RM66.8 million in 2003, a 22.5 per cent increase over 2003.

Earnings per share consequently grew to 50.18 sen for 2004, compared to 40.70 sen in 2003.

Delivering Shareholder Value

In recognition of Pharmaniaga's commendable performance during the year, the Board of Directors has recommended a final tax exempt dividend of 10.5 sen per share, compared to the previous year's 8.5 sen per share. Together with the interim tax exempt dividend of 4.5 sen per share announced in the second quarter of this year, this results in a total tax exempt dividend of 15.0 sen per share for 2004, maintaining a dividend payout ratio of almost 30 per cent for the year under review.

Justeru, saya berasa gembira untuk melaporkan bahawa tahun 2004 merupakan satu tahun pencapaian yang menyerlah bagi Pharmaniaga kerana kita berjaya membina keteguhan daripada pengalaman yang ditempuhi pada tahun-tahun sebelumnya dan merebut peluang baru yang wujud bagi menampilkan keputusan yang sangat memuaskan.

PRESTASI KEWANGAN

Prestasi Memberangsangkan

Pada tahun yang ditinjau, Kumpulan Pharmaniaga mencatatkan perolehan paling tinggi pernah dicapai dalam sejarah perniagaan kita. Perolehan berjumlah hampir RM800.0 juta yang dicapai merupakan pertambahan sebanyak 26.5 peratus berbanding RM632.6 juta yang diperolehi pada tahun sebelumnya.

Pertumbuhan ini telah didorong oleh beberapa usaha utama dalam tiga bidang asas. Pertama, Pharmaniaga berjaya memperolehi kontrak bernilai USD13.3 juta untuk membekal peralatan farmaseutikal dan perubatan ke Timur Tengah. Kedua, kita telah meluaskan jualan sektor swasta sebanyak 24.1 peratus berbanding jualan yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Ketiga, kita berjaya meningkatkan jualan bukan konsesi kepada sektor kerajaan sebanyak 80.0 peratus.

Keteguhan pertumbuhan perolehan ini telah membolehkan Kumpulan kita mencapai keuntungan sebelum cukai yang disatukan sebanyak RM81.8 juta berbanding RM66.8 juta pada tahun 2003 bertambah sebanyak 22.5 peratus berbanding tahun 2003.

Pendapatan sesaham meningkat kepada 50.18 sen pada tahun 2004 berbanding 40.70 sen pada tahun 2003.

Menyampaikan Nilai Pemegang Saham

Sebagai pengiktirafan kepada prestasi Pharmaniaga yang memberangsangkan pada tahun ini, Lembaga Pengarah mencadangkan pembayaran dividen akhir dikecualikan cukai sebanyak 10.5 sen sesaham berbanding 8.5 sen sesaham pada tahun sebelumnya. Bersama dividen pertengahan dikecualikan cukai sebanyak 4.5 sen sesaham yang diumumkan pada suku kedua tahun ini, ia menjadikan jumlah dividen dikecualikan cukai pada tahun 2004 sebanyak 15.0 sen sesaham. Jumlah ini mengekalkan nisbah pembayaran dividen hampir 30 peratus pada tahun yang ditinjau.

2004 ACHIEVEMENTS

Strong Growth in Non-Concession Sector

As part of our ongoing efforts to reduce our reliance on income from the concession business, we increased our focus on private and non-concession sector initiatives in 2004. The establishment of the marketing department in 2003, together with the implementation of focused and structured marketing initiatives including event participation, event sponsorship and one-to-one marketing, has resulted in a spectacular growth in sales in these market segments. A heightened awareness of Pharmaniaga's bio-equivalent (BE) products among private sector customers has not only contributed to increased sales but to the overall development of our brand equity in the marketplace. The medical fraternity today is more aware of our presence, especially amongst specialists who had not placed much importance on generics before.

2004 also saw Pharmaniaga undertaking several strategic initiatives to lay the foundation for the future growth of our market share, especially in the private sector arena. These included aggressive introduction of new products and promotions, as well as an enhancement to the Sales Incentives Programme to further motivate our sales representatives.



To support our business expansion in the private sector as well as strengthen our position in the government markets, we also undertook an enterprise-wide Customer Relationship Management (CRM) programme to inculcate a service-oriented culture amongst employees to boost service levels toward customers and business associates.

New Market Expansion

2004 also saw Pharmaniaga making substantial headway into new international markets. During the year, we successfully concluded and delivered contracts worth USD13.3 million to supply pharmaceuticals, medical products and equipment as well as clinical laboratory reagents to the Middle East. The award of these contracts has placed us in a better position to realise further opportunities in that region.

On 1 December 2004, we completed the acquisition of 55 per cent equity in PT Millennium Pharmacon International Tbk (MPI) for approximately RM12.2 million. Listed on both the Jakarta and Surabaya stock exchanges, MPI is one of the top ten leading distributors of pharmaceuticals and related products for local and foreign principals in Indonesia. The acquisition of MPI would enable Pharmaniaga to tap the lucrative Indonesian market and to create an effective distribution channel for our products to enter the Indonesian market.

In May 2004, we signed an MOU with China WorldBest Group of Companies (CWGC), a Chinese government-linked company. The MOU calls for joint exploration in the areas of manufacturing and distribution of intravenous drips, as well as the warehousing and distribution of pharmaceutical products. As at the date of this report, we are still negotiating with CWGC on the definitive terms of the proposed agreements.

PENCAPAIAN PADA TAHUN 2004

Pertumbuhan Teguh dalam Sektor Bukan Konsesi

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengurangkan pergantungan kepada pendapatan daripada perniagaan konsesi, pada tahun 2004, kita telah meningkatkan fokus kepada sektor swasta dan bukan konsesi. Penubuhan Jabatan Pemasaran pada tahun 2003 bersama dengan pelaksanaan usaha pemasaran secara berfokus dan tersusun, termasuk penyertaan dalam acara, penajaan acara dan pemasaran satu sama satu telah menghasilkan pertumbuhan jualan yang mantap dalam segmen pasaran ini. Tahap kesedaran yang tinggi terhadap produk kesetaraan bio (BE) Pharmaniaga di kalangan pelanggan sektor swasta bukan sahaja telah menyumbang kepada peningkatan jualan, malah terhadap pembangunan keseluruhan ekuiti jenama kita di pasaran. Masyarakat perubatan kini lebih sedar tentang kehadiran kita, terutamanya di kalangan doktor pakar yang sebelum ini tidak terlalu mengendahkan produk generik.

Pharmaniaga telah mengambil beberapa langkah strategik pada tahun 2004 untuk meletakkan asas bagi pertumbuhan bahagian pasaran kita pada masa depan, terutamanya dalam pasaran sektor swasta. Usaha ini meliputi pengenalan beberapa produk dan promosi baru secara agresif serta peningkatan Program Insentif Jualan untuk memotivasi wakil jualan kita.

Untuk menyokong pengembangan perniagaan kita dalam sektor swasta serta mengukuhkan kedudukan di pasaran kerajaan, kita juga telah menjalankan program Pengurusan Perhubungan Pelanggan (CRM) di seluruh bahagian perniagaan bagi memupuk budaya berorientasikan perkhidmatan di kalangan kakitangan supaya ia dapat membantu mempertingkatkan tahap perkhidmatan kepada pelanggan dan rakan-rakan dalam perniagaan.

Pengembangan ke Pasaran Baru

2004 melihat Pharmaniaga mencatatkan banyak kemajuan penting bagi menembusi pasaran antarabangsa yang baru. Pada tahun ini, kita berjaya menyempurnakan kontrak-kontrak bernilai USD13.3 juta untuk membekal produk farmaseutikal, peralatan perubatan serta bahan uji makmal klinikal ke Timur Tengah. Kontrak-kontrak ini telah membantu meningkatkan kedudukan kita ke tahap yang lebih baik lagi untuk membantu merealisasi pelbagai peluang selanjutnya di rantau tersebut.

Pada 1 Disember 2004, kita telah menyelesaikan pengambilalihan 55 peratus ekuiti dalam PT Millennium Pharmacon International Tbk (MPI) dengan bayaran sebanyak lebih kurang RM12.2 juta. MPI yang disenaraikan di Bursa Saham Jakarta dan Surabaya merupakan salah sebuah daripada sepuluh pengedar utama produk farmaseutikal dan produk berkaitan untuk beberapa prinsipal tempatan dan asing di Indonesia. Pengambilalihan MPI akan membolehkan Pharmaniaga merebut peluang lumayan di pasaran Indonesia dan mewujudkan saluran pengedaran yang berkesan untuk memudahkan produk kita memasuki pasaran Indonesia.

Pada bulan Mei 2004, kita telah menandatangani MOU dengan China WorldBest Group of Companies (CWGC), iaitu sebuah syarikat yang ada kaitan dengan kerajaan China. MOU ini melibatkan penerokaan bersama di dalam bidang pekilangan dan pengedaran larutan bendalir serta pergudangan dan pengedaran produk farmaseutikal. Pada tarikh laporan ini dibuat, kita masih mengadakan rundingan dengan CWGC mengenai terma muktamad berkaitan perjanjian yang dicadangkan.

chairman's statement penyata pengerusi

Recently, in April 2005, we successfully acquired the remaining 30% equity interest of Pharmaniaga Logistics Sdn Bhd comprising 12,000,000 ordinary shares of RM1.00 each held by Kuala Lumpur Industries Holdings Berhad, a wholly owned subsidiary of Equine Capital Berhad, for a total cash consideration of RM77,500,000. With this acquisition, Pharmaniaga now wholly owns Pharmaniaga Logistics Sdn Bhd.

Product Development

2004 saw the launch of several new products that increased our participation in the private market. These products included Innoherb, a health supplement range from France; Ticlopidine, which reduces the probability of future stroke events in stroke patients; Clarithromycin Suspension, an antibiotic for treatment of bacterial infections in children; Itraconazole, for the treatment of fungal infections and Paracetamol C&F (Cold and Flu), which is a remedy for colds and flu.

A total of 20 products, were registered in 2004. Products registered for the export market also increased with the approval of 45 products in the ASEAN region. 65 products are currently in the registration approval pipeline in various other markets. A further 4 BE products received approval in 2004 which brings the total number of BE products for the Group to 25.

Towards the end of 2004, our Research Centre moved into a new pilot plant and laboratories. The pilot plant is Good Manufacturing Practices (GMP) compliant and fully equipped with laboratory-sized equipment that replicates the workings of the actual production equipment. This will enable us to conduct product developmental work in a much more conducive environment that will also reduce new product development cycle time. The pilot plant was awarded the ISO 17025 accreditation in February 2005.

Strategic Alliances

As part of our collaborative efforts, we are actively pursuing strategic alliances with local research institutions such as the Malaysian Institute for Nuclear Technology (MINT), MARDI, the National Institute for Natural Products, Vaccines and Biologicals (NINPVB) and local universities, especially in the field of biotechnology.

On the international front, our technology arm Pharmaniaga Solutions is involved in the transfer of Internet technology and replication of its Pharma*Net business model in the area of Demand Chain Management (DCM) with one of the biggest private hospital groups in Thailand. The replication of Pharma*Net and DCM is also being discussed with prospective local partners in other countries in the region.

People Development

Our employees will always be at the heart of Pharmaniaga's growth strategy. 2004 saw us investing RM1.2 million in people development programmes; our biggest investment to date, as we recognise that the competency and capabilities of our workforce impact directly on the Group's success.

Baru-baru ini, pada bulan April 2005, kita telah berjaya mengambilalih baki 30% kepentingan ekuiti Pharmaniaga Logistics Sdn Bhd yang meliputi 12,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu yang dipegang oleh Kuala Lumpur Industries Holdings Berhad (“KLIH”), sebuah anak syarikat milik penuh Equine Capital Berhad, dengan bayaran tunai berjumlah RM77,500,000. Dengan pengambilalihan ini, Pharmaniaga kini memiliki sepenuhnya Pharmaniaga Logistics Sdn Bhd.

Pembangunan Produk

Tahun 2004 menyaksikan pelancaran beberapa produk baru yang telah membantu menambah penyertaan kita di dalam pasaran swasta. Produk-produk ini meliputi Innoherb, produk kesihatan tambahan dari Perancis; Ticlopidine yang mengurangkan kemungkinan berlaku serangan strok yang berulang di kalangan pesakit strok; Clarithromycin Suspension, sejenis antibiotik untuk rawatan jangkitan bakteria pada kanak-kanak; Itraconazole, untuk rawatan jangkitan kulat dan Paracetamol C&F (Selsema dan Demam) yang merupakan penawar untuk selsema dan demam.

Sejumlah 20 produk telah didaftarkan pada tahun 2004. Produk yang berdaftar untuk pasaran eksport juga telah bertambah berikutan kelulusan 45 buah produk di rantau ASEAN. Sebanyak 65 produk kini sedang dalam proses kelulusan untuk didaftarkan di beberapa pasaran lain. Sebanyak 4 lagi produk BE telah mendapat kelulusan pada tahun 2004, menjadikan bilangan produk BE Kumpulan 25 kesemuanya.

Pusat Penyelidikan kita telah berpindah ke loji dan makmal perintis baru pada akhir tahun 2004. Loji perintis ini mematuhi Amalan Pekilangan Yang Baik (GMP) dan dilengkapi sepenuhnya dengan peralatan bersaiz makmal yang menyerupai peralatan pengeluaran sebenar. Ini akan membolehkan kita mengendalikan kerja pembangunan produk dalam persekitaran lebih sesuai yang akan mengurangkan kitaran masa pembangunan produk baru. Kilang perintis ini telah diberikan pengiktirafan piawaian ISO 17025 pada bulan Februari 2005.

Permuafakatan Strategik

Kita telah menjalin hubungan permuafakatan strategik secara aktif dengan beberapa institusi penyelidikan tempatan seperti Institut Teknologi Nuklear Malaysia (MINT),; MARDI; Institut Produk Asli, Vaksin dan Biologiikal Kebangsaan (NINPVB) dan beberapa buah universiti tempatan, terutamanya dalam bidang teknologi.

Di peringkat antarabangsa pula, bahagian Teknologi kita iaitu Pharmaniaga Solutions terlibat dalam pemindahan teknologi internet dan replikasi model perniagaan Pharma*Net dalam bidang Pengurusan Rangkaian Permintaan (DCM) dengan salah sebuah kumpulan hospital terbesar di Thailand. Replikasi Pharma*Net dan DCM juga sedang dibincangkan dengan beberapa rakan niaga prospek tempatan di beberapa negara di rantau ini.

Pembangunan Sumber Manusia

Kakitangan kita akan sentiasa menjadi nadi strategi pertumbuhan Pharmaniaga. Pada tahun 2004, kita telah melabur sebanyak RM1.2 juta untuk melaksanakan pelbagai program pembangunan sumber manusia; pelaburan kita yang terbesar sehingga kini. Ini adalah kerana kita mengakui bahawa tahap kecekapan dan keupayaan tenaga kerja kita mampu membawa kesan secara langsung terhadap kejayaan Kumpulan.

CSR Initiatives

Pharmaniaga is committed to implementing Corporate Social Responsibility (CSR) activities that bring tangible value to our employees, our shareholders, customers and the community we operate in. As part of our environmental management efforts, our Manufacturing Division is diligently monitoring its Environmental Management System, while our Logistics arm will integrate its existing OHS (Occupational Health and Safety) and Quality Management systems with the Environmental Management system in 2005.

The tsunami disaster that struck the region at the end of December 2004 hit close to home as our Indonesian operations; the MPI branch in Banda Aceh, were directly affected by the devastation. I am pleased to report that Pharmaniaga was among the first to come forward to supply medical and pharmaceutical products to the National Emergency Relief team that left the country for Banda Aceh on the day immediately after the disaster struck.

A Confident Outlook



We expect the economic conditions in 2005 to remain robust, which augurs well for the growth of the healthcare industry. The year ahead is also expected to be laden with challenges and replete with opportunities. In anticipation of this, the Group has already put in place several measures and strategies to ensure that we are well prepared to weather all challenges and seize relevant opportunities.

Going forward, we will leverage on our strategic domestic network as well as embark on an aggressive international expansion. On the local front, we will forge ahead with our focus on new business opportunities in the private sector arena, and at the same time strengthen the positioning of our products in the government market.

Pharmaniaga is now well positioned to be the leading generic manufacturer following the completion of various facilities and enhancements to our production capability in 2004. These include the upgrading of the Bangi and Bandar Seri Iskandar plants that now comply with current GMP standards; the construction of the SVI Plant at Puchong in July 2004 with production expected in 2007; and the commercialisation of Cephalosporin production in 2005. These new plants and improved facilities will also support our expansion plans in the global marketplace.

At the same time, having established our credibility as a turnkey contractor in equipping hospitals, we will continue to solicit contracts to equip and maintain medical equipment for government hospitals and health services.

Our acquisition of Indonesia's MPI and our strategic partnership with China's CWGC will also enable us to make headway in these two lucrative markets. We will also continue to explore new international markets as we embark on Pharma*Net replication in our role as an IT solutions expert in the area of Demand Chain Management.

Inisiatif CSR

Pharmaniaga komited dalam melaksanakan pelbagai aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang membawa nilai ketara kepada kakitangan, pemegang saham, pelanggan dan masyarakat di mana kita beroperasi. Sebagai sebahagian daripada usaha pengurusan alam sekitar kita, Bahagian Pekilangan memantau secara gigih Sistem Pengurusan Alam Sekitarnya, sementara bahagian Logistik kita pula akan menyatukan sistem OHS (Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan) dengan Sistem Pengurusan Kualiti dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar pada tahun 2005.

Bencana tsunami yang melanda rantau ini pada akhir bulan Disember 2004 berlaku terlalu dekat dengan kita kerana operasi kita di Indonesia; iaitu cawangan MPI di Banda Aceh telah terjejas secara langsung akibat malapetaka tersebut. Saya dengan sukacita melaporkan bahawa Syarikat anda merupakan antara syarikat yang terawal tampil untuk membekal ubat-ubatan dan produk farmaseutikal kepada pasukan Bantuan Kecemasan Negara yang berlepas ke Banda Aceh sebaik sahaja selepas bencana tersebut melanda.

Masa Depan Yang Meyakinkan

Kami menjangkakan keadaan ekonomi pada tahun 2005 akan kekal cergas, amat sesuai untuk pertumbuhan industri penjagaan kesihatan. Tahun depan juga dijangka akan dipenuhi dengan pelbagai cabaran dan peluang. Menjangkakan situasi sebegini, Kumpulan telah merangka beberapa langkah dan strategi untuk memastikan supaya kita sentiasa bersedia untuk berhadapan dengan semua cabaran tersebut serta merebut pelbagai peluang berkaitan.

Sebagai langkah ke hadapan, kita akan memanfaatkan rangkaian domestik strategik kita serta melancarkan usaha meluaskan penglibatan kita ke peringkat antarabangsa secara agresif. Di dalam negara pula, kita akan mengukuhkan fokus kita kepada pelbagai peluang perniagaan baru dalam sektor swasta dan pada masa yang sama, meneguhkan kedudukan produk kita di pasaran kerajaan.

Kini, Pharmaniaga berada dalam kedudukan yang mantap untuk menjadi pengilang produk generik yang terkemuka berikutan penyiapan pelbagai kemudahan dan kerja menaiktaraf keupayaan pengeluaran kita pada tahun 2004. Ini meliputi menaiktaraf loji di Bangi dan Bandar Seri Iskandar yang kini mematuhi piawaian Amalan Pekilangan Yang Baik semasa (cGMP); pembinaan Loji SVI di Puchong pada bulan Julai 2004 di mana pengeluaran dijangka akan dimulakan pada tahun 2007 dan pengkomersialan pengeluaran Cephalosporin pada tahun 2005. Kesemua loji baru serta kemudahan yang bertambah baik ini akan menyokong rancangan pengembangan kita ke pasaran global.

Pada masa yang sama, setelah berjaya membina kewibawaan kita sebagai kontraktor turnkey yang bertanggungjawab melengkapkan hospital, kita akan terus berusaha untuk mendapatkan kontrak bagi melengkap serta menyelenggara peralatan perubatan untuk hospital dan pusat kesihatan kerajaan.

Langkah pengambilalihan MPI dari Indonesia dan perkongsian strategik yang dijalin dengan CWGC dari China juga akan membolehkan kita mencapai kejayaan besar di kedua-dua pasaran lumayan ini. Kita juga akan terus meneroka ke beberapa pasaran antarabangsa yang baru sebaik sahaja kita melancarkan replikasi Pharma*Net, selaras dengan peranan kita sebagai pakar penyelesaian IT dalam bidang Pengurusan Rangkaian Permintaan.

chairman's statement penyata pengerusi

We will continue to explore collaborations with various research organisations and institutes of higher education for new drug delivery systems and potential new versions of existing drugs with improved bioavailability or safety profiles. The Group is also setting the direction for our involvement in a new area of biotechnology that includes 'biogenerics' and potential drugs developed from local herbal remedies.

As Malaysia's population grows and the demand for good healthcare increases, there is a continuous need to increase the number of primary and secondary healthcare facilities. The significant increase in the Government's healthcare spending, particularly in the provision of such facilities, augurs well for Pharmaniaga. Rising healthcare costs too have skewed preferences towards locally manufactured quality generic drugs as a cost containment measure. With our capacity and technology enhancements in place and supported by better equipped and more aggressive R&D efforts, Pharmaniaga is better placed than most companies to avail ourselves of these opportunities.

In Appreciation

Our achievements todate would not have been possible without the continuous support of all our stakeholders. Our sincere thanks go to all our shareholders for your continued faith in your Company. Our appreciation goes to our customers, business partners and bankers for their continued support; and our management and employees for their dedication and the delivery of fine performance in 2004.

Finally, I wish to express my thanks to my esteemed colleagues on the Board for their counsel and expert guidance throughout the year. I especially want to pay tribute and express my heartfelt appreciation to Dato' Abdul Wahid bin Omar for his many contributions. As he leaves the Pharmaniaga Board to take on bigger responsibilities elsewhere, we welcome Dato' Ahmad Pardas bin Senin on board and look forward to his support. It is my sincere hope, that, we will all continue to give our best to Pharmaniaga as we focus on realising the immense opportunities before us.



DATO' MOHAMED AZMAN BIN YAHYA
Chairman

Kita akan terus meneroka peluang untuk menjalin permuafakatan dengan beberapa organisasi penyelidikan dan institusi pendidikan tinggi dalam bidang sistem penghantaran ubat-ubatan baru dan potensi versi baru ubat-ubatan sedia ada yang telah dipertingkatkan kesediaan bio dan profil keselamatannya. Kumpulan juga sedang menentukan hala tuju penglibatan kita dalam bidang bioteknologi baru yang meliputi 'biogenerik' dan potensi ubat yang dibangunkan daripada penawar herba tempatan.

Keperluan untuk menambah bilangan kemudahan penjagaan kesihatan peringkat rendah dan menengah wujud secara berterusan selaras dengan pertumbuhan penduduk Malaysia dan peningkatan permintaan untuk penjagaan kesihatan. Peningkatan ketara perbelanjaan Kerajaan untuk penjagaan kesihatan, terutamanya dalam penyediaan kemudahan sedemikian, memberi manfaat Pharmaniaga. Kenaikan kos penjagaan kesihatan telah menarik keutamaan kepada ubat-ubatan generik berkualiti yang di kilang di dalam negara. Ia merupakan sebahagian daripada langkah untuk membendung kenaikan kos. Dengan peningkatan keupayaan dan teknologi kita yang tersedia dan disokong pula oleh kelengkapan yang bertambah baik serta usaha R&D yang lebih agresif, kini Pharmaniaga berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk merebut peluang yang tersedia ini berbanding kebanyakan syarikat lain.

Penghargaan

Pencapaian yang kita nikmati selama ini tidak mungkin menjadi kenyataan tanpa sokongan berterusan semua pemegang kepentingan kita. Justeru, ucapan terima kasih secara ikhlas ini ditujukan kepada para pemegang saham kerana memberikan keyakinan berterusan terhadap Syarikat anda. Ucapan penghargaan ini juga disampaikan kepada para pelanggan, rakan dalam perniagaan serta jurubank-jurubank yang telah memberikan sokongan berterusan dan pihak pengurusan serta kakitangan sekalian, kami mengucapkan terima kasih atas sikap kesungguhan serta penampilan prestasi yang membanggakan pada tahun 2004.

Akhir sekali, saya ingin menyuarakan ucapan terima kasih saya kepada rakan-rakan setugas dalam Lembaga Pengarah yang telah memberi nasihat dan panduan kepakaran sepanjang tahun ini. Ucapan terima kasih dan penghargaan setulus ikhlas ini turut ditujukan kepada Dato' Abdul Wahid bin Omar atas sumbangan beliau yang tidak terhingga kepada Syarikat. Beliau meninggalkan Lembaga Pengarah Pharmaniaga untuk memikul tanggungjawab yang lebih besar lagi dan sebagai pengganti, kami mengalu-alukan Dato' Ahmad Pardas bin Senin ke dalam Lembaga Pengarah dan berharap akan mendapat sokongan jitu daripada beliau. Saya berharap secara ikhlas supaya kita akan terus menyumbangkan yang terbaik kepada Pharmaniaga sambil memfokus usaha kita untuk merealisasi banyak peluang besar yang terbentang di depan kita.



DATO' MOHAMED AZMAN BIN YAHYA

Pengerusi

SCALE_{new}HEIGHTS

Tempa kegemilangan baru





Statement on Corporate Governance

penyata tadbir urus korporat



This Board is pleased to report to the shareholders that throughout the financial year ended 31 December 2004, it had generally practiced good corporate governance in directing and managing the business and affairs of the Company and the Group and, thus, discharging its principal responsibility towards protecting and enhancing long-term shareholders' value and investors' interests consistent with the Malaysian Code on Corporate Governance ("the Code").

Lembaga Pengarah dengan sukacita melaporkan kepada para pemegang saham bahawa sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004, ia telah mengamalkan tadbir urus korporat yang baik dalam menentukan hala tuju dan menguruskan perniagaan dan hal-ehwal Syarikat dan Kumpulan dan, oleh yang demikian, melaksanakan tanggungjawab utamanya ke arah melindungi dan mempertingkatkan nilai dan kepentingan pemegang saham dan pelabur jangka panjang, selari dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ("Kod").

BOARD OF DIRECTORS

At the pinnacle of corporate governance is the Board of Directors with its collective responsibility in leading and directing the Company's affairs, as an effective decision making body. The Board is accountable to shareholders for the performance and activities of the Group so that such are undertaken in the best interest of the shareholders. The Board operates within the governance framework as set out below:-

Composition of the Board

The Board believes that effective corporate governance is premised on three important cornerstones namely, independence, accountability and transparency.

LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah adalah tunggal utama tadbir urus korporat dengan tanggungjawab kolektifnya dalam memimpin dan menentukan hala tuju hal-hwal Syarikat, sebagai sebuah badan yang membuat keputusan berkesan. Lembaga Pengarah bertanggungjawab kepada para pemegang saham berhubung prestasi dan aktiviti Kumpulan supaya ia dijalankan dengan mengambilkira kepentingan para pemegang saham. Lembaga Pengarah beroperasi di dalam lingkungan tadbir urus seperti yang dinyatakan di bawah:-

Komposisi Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah percaya bahawa tadbir urus korporat yang berkesan adalah berasaskan tiga prinsip penting iaitu kebebasan, tanggungjawab dan ketelusan.



statement on corporate governance

penyata tadbir urus korporat

Based on those premises, the Board is of opinion that an effective Board is determined by its composition. The Board has a well-balanced composition in which the substantial shareholders are adequately represented, whilst the interests of the minority shareholders are protected by the independent directors.

The Board comprises seven (7) members, of whom one (1) is a Non-Independent Non-Executive Chairman, three (3) Independent Non-Executive Directors, two (2) Non-Independent Non-Executive Directors and a Managing Director. A brief description of the background of each Director is presented on pages 28 to 33 of this Annual Report.

The Directors of the Company are professionals from diverse backgrounds with expertise and experience in various fields such as finance, academia, engineering and business which enable them to bring broader perspectives and depth in any Board's discussion and deliberation.

The presence of three independent Directors on the Board namely YBhg Datuk Sulaiman bin Daud, YBhg Dato' Prof. Ir. Dr. Mohammad Noor bin Salleh and Encik Ismael Fariz bin Ali, confer a strong element on the Board. The independent Directors play an important role in objectively assessing the feasibility of business proposals and strategies and examining the impact of such proposals on the Company's stakeholders.

There is a clear division of responsibilities at Board level whilst maintaining the balance of power and authority. The Chairman, YBhg Dato' Mohamed Azman bin Yahya is a Non-Independent Non-Executive Director, who has separate and distinct duties and responsibilities from the Managing Director. The Chairman is responsible for the smooth running of the Board, such as the effective functioning of the Board, balance of membership on the

Berdasarkan asas-asas tersebut, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa keberkesanan sesebuah Lembaga Pengarah ditentukan oleh komposisinya. Lembaga Pengarah mempunyai komposisi yang seimbang di mana para pemegang saham utama diwakili dengan sewajarnya, sementara kepentingan para pemegang saham minoriti dilindungi oleh para pengarah bebas.

Lembaga Pengarah terdiri daripada tujuh (7) orang ahli, di mana seorang (1) daripada mereka adalah Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif, tiga (3) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, dua (2) Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif dan Pengarah Urusan. Satu ulasan ringkas berhubung latar belakang setiap Pengarah disediakan di muka surat 28 hingga 33 dalam Laporan Tahunan ini.

Para Pengarah Syarikat adalah profesional dari pelbagai latar belakang dengan kepakaran dan pengalaman dalam pelbagai bidang seperti kewangan, akademik, kejuruteraan dan perniagaan. Ini membolehkan mereka membawa pandangan yang lebih luas dan mendalam dalam sebarang perbincangan dan pertimbangan Lembaga Pengarah.

Kehadiran tiga orang Pengarah bebas dalam Lembaga Pengarah iaitu YBhg Datuk Sulaiman bin Daud, YBhg Dato' Prof. Ir. Dr. Mohammad Noor bin Salleh dan Encik Ismael Fariz bin Ali, mewujudkan elemen yang kukuh dalam Lembaga Pengarah. Para Pengarah bebas memainkan peranan penting dalam menilai secara objektif daya maju cadangan dan strategi perniagaan serta mengkaji kesan cadangan-cadangan sedemikian terhadap para pemegang kepentingan Syarikat.

Terdapat pembahagian tanggungjawab yang jelas di peringkat Lembaga Pengarah dan pada masa yang sama mengekalkan keseimbangan kuasa dan autoriti. Pengerusi, YBhg Dato' Mohamed Azman bin Yahya adalah Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif yang mempunyai tugas yang berbeza dan berasingan berbanding Pengarah Urusan. Pengerusi bertanggungjawab memastikan kelancaran operasi Lembaga Pengarah seperti fungsi Lembaga Pengarah yang berkesan, keseimbangan dan keahlian Lembaga

Board, ensures all the relevant issues are on the agenda and all Directors receive relevant information in sufficient time for deliberations at the Board Meetings. The Chairman encourages healthy debate on issues in the agenda and provides reasonable time for discussion of matters raised at meetings. The decisions reached at meetings reflect Board consensus and not the views of an individual or an interested group.

The Managing Director, Encik Azhar bin Hussain, is responsible for the day-to-day operations of the Group's business, including implementing the policies and strategies adopted by the Board and clarifying matters relating to the Group's businesses to the Board.

The Board composition and the separation of powers ensure a balance of power and authority at the helm of the Company and provides a safeguard against the exercise of unfettered power in decision-making.

YBhg Datuk Sulaiman bin Daud is the Senior Independent Non-Executive Director of the Board to whom the Directors and minority shareholders can convey their concerns on issues affecting the Group.

Duties and Responsibilities of the Board

The Board provides direction and effective control of the Group. Guided by the Code, the Board is of the opinion that it is able to lead and control the Group by the discharge of the following responsibilities:

- Determine the Strategic Plan for the Company and the Group;
- Oversee the conduct of the Group's businesses;
- Identify and manage risks affecting the Group;
- Review adequacy and integrity of the Group's internal control systems;

Pengarah, memastikan semua isu berkaitan terkandung di dalam agenda dan semua Pengarah menerima maklumat berkaitan dalam masa yang mencukupi untuk dibincangkan di Mesyuarat Lembaga Pengarah. Pengerusi menggalakkan perbincangan sihat berhubung isu-isu dalam agenda tersebut dan memberi masa yang mencukupi untuk perbincangan berhubung hal-hal yang dibangkitkan dalam mesyuarat. Keputusan yang dicapai dalam mesyuarat menggambarkan kesepakatan Lembaga Pengarah dan bukan pandangan seseorang individu atau sesebuah kumpulan yang mempunyai kepentingan.

Pengarah Urusan, Encik Azhar bin Hussain, bertanggungjawab ke atas operasi harian perniagaan Kumpulan, termasuk melaksanakan dasar dan strategi yang diterimapakai oleh Lembaga Pengarah serta penjelasan mengenai hal-hal berkaitan dengan perniagaan Kumpulan kepada Lembaga Pengarah.

Komposisi Lembaga Pengarah dan pembahagian kuasa ini memastikan keseimbangan kuasa dan autoriti di peringkat kepimpinan Syarikat dan menyediakan perlindungan daripada kuasa bebas dalam proses membuat keputusan.

YBhg Datuk Sulaiman bin Daud adalah Pengarah Kanan Bukan Bebas Bukan Eksekutif bagi Lembaga Pengarah di mana para Pengarah dan pemegang saham minoriti boleh menyampaikan pertanyaan mereka berhubung isu-isu mengenai Kumpulan.

Tugas dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah menyediakan hala tuju dan kawalan berkesan bagi Kumpulan. Berpandukan Kod, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa ia mampu memimpin dan mengawal Kumpulan dengan melaksanakan tanggungjawab berikut:

- Menentukan Rancangan Strategik bagi Syarikat dan Kumpulan;
- Mengawasi tatacara perniagaan Kumpulan;
- Mengenalpasti dan mengurus risiko-risiko berkenaan Kumpulan;
- Mengkaji kecukupan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman Kumpulan;

statement on corporate governance

penyata tadbir urus korporat

- Implement succession planning for timely succession of management within the Group; and
- Maintain effective communication with shareholders and investors.

The role and function of the Board, as well as differing roles of Executive Director and Non-Executive Directors, are clearly documented in the Board Policy Manual. Specifically and within the limits set by the Company's Articles of Association ("Articles"), the Board is also charged with the development of corporate objectives and the review and approval of corporate plans, annual budgets, acquisitions, major investments and financial decisions and control structure within the Company including key risk management, treasury, financial and operational policies and Discretionary Authority Limits ("DAL").

The Board has delegated certain responsibilities to Board Committees which operate within clearly defined Terms of References. There are five (5) committees to assist the Board, namely Audit, Nomination, Remuneration, Risk Management and ESOS Committees.

Fiduciary Duties of Directors

The relationship between a Director and the Company is one based on fiduciaries. The fiduciary duties owed by Directors to the Company, require them to act bona fide in the best interests of the Company, as a whole. In this respect, the Directors of the Company exercise their powers on behalf and for the benefit of all shareholders, rather than the majority on whose vote they are ostensibly appointed by to the Board. These fiduciary obligations are owed by the Directors to the Company on an individual basis.

- Melaksanakan perancangan penggantian bagi penggantian pengurusan dalam Kumpulan tepat pada masa; dan
- Mengekalkan komunikasi berkesan dengan para pemegang saham dan pelabur.

Peranan dan fungsi Lembaga Pengarah, serta peranan yang berbeza antara Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif, dinyatakan dengan jelas di dalam Manual Dasar Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah juga dipertanggungjawabkan dengan pembangunan objektif korporat dan mengkaji serta meluluskan rancangan korporat, belanjawan tahunan, pengambilalihan, pelaburan besar dan keputusan kewangan serta struktur kawalan dalam Syarikat termasuk pengurusan risiko utama, perbendaharaan, kewangan dan dasar-dasar operasi dan Had Kuasa Mengikut Budibicara ("DAL"), semua tanggungjawab ini terkandung secara khusus dan di dalam lingkungan had yang ditetapkan oleh Tataurus Pertubuhan Syarikat ("Artikel").

Lembaga Pengarah telah mengagihkan tanggungjawab-tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang beroperasi di dalam Terma-terma Bidang Kuasa yang ditakrif dengan jelas. Terdapat lima (5) jawatankuasa untuk membantu Lembaga Pengarah, iaitu, Jawatankuasa-jawatankuasa Audit, Pencalonan, Imbuan, Pengurusan Risiko dan ESOS.

Tanggungjawab Fidusiari Pengarah

Perhubungan antara Pengarah dan Syarikat adalah berdasarkan kepada fidusiari. Tugas fidusiari yang perlu dilaksanakan oleh para Pengarah untuk Syarikat memerlukan mereka bertindak secara niat baik dalam mengendalikan kepentingan Syarikat secara keseluruhannya. Dalam hal ini, para Pengarah Syarikat melaksanakan kuasa mereka bagi pihak dan untuk manfaat semua pemegang saham, bukan sahaja untuk pengundi majoriti yang bertanggungjawab melantik mereka sebagai Lembaga Pengarah. Kewajipan fidusiari ini perlu dilaksanakan secara individu oleh para Pengarah untuk Syarikat.

The Board ensures that all its Directors declare their interests in any situation which could put the Directors in a position of conflict of interest with that of the Company. These include interests, whether direct or indirect, in contracts or proposed contracts with the Company or any of its subsidiary companies, related or associated companies, as soon as practicable after the relevant facts have come to his knowledge. The Director(s) concerned will abstain from any decision-making process where they are an interested party. Transactions involving directors are deemed related party transactions and would be disclosed in the Annual Report.

APPOINTMENTS AND RE-ELECTION OF THE BOARD

Appointment

The Nomination Committee is responsible for making recommendation for any appointments to the Board. Any new nomination received is forwarded to the Board for assessment and endorsement. The duties and responsibilities of the Nomination Committee are set out on page 62 of this Annual Report.

Re-election

In accordance with the Company's Articles, all Directors who are appointed by the Board are subject to election by shareholders at the Annual General Meeting ("AGM") after their appointment. The Articles also provide that one-third (1/3) of the remaining Directors, be subject to re-election by rotation at least once every three (3) years.

Directors over seventy (70) years of age are required to submit themselves for re-appointment annually in accordance with Section 129 (6) of the Companies Act 1965.

Lembaga Pengarah memastikan supaya semua Pengarahnya mengisytiharkan kepentingan mereka dalam sebarang situasi yang boleh menyebabkan mereka mempunyai konflik kepentingan dengan Syarikat. Pengisytiharan ini hendaklah dilakukan secepat mungkin selepas fakta-fakta berkaitan diketahui oleh mereka. Ini termasuk kepentingan, samada secara langsung atau tidak langsung, di dalam kontrak atau kontrak dalam cadangan dengan Syarikat atau mana-mana anak syarikatnya, syarikat-syarikat berkaitan atau bersekutu. Pengarah yang berkenaan akan mengecualikan diri daripada sebarang proses membuat keputusan di mana mereka merupakan pihak berkepentingan. Urusniaga yang melibatkan para pengarah dianggap sebagai urusniaga pihak berkaitan dan akan didedahkan di dalam Laporan Tahunan.

PELANTIKAN DAN PEMILIHAN SEMULA LEMBAGA PENGARAH

Pelantikan

Jawatankuasa Pencalonan bertanggungjawab mengesyorkan sebarang pelantikan kepada Lembaga Pengarah. Sebarang pencalonan baru yang diterima akan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk dinilai dan diluluskan. Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Pencalonan dibentangkan di muka surat 62 dalam Laporan Tahunan ini.

Pemilihan Semula

Selaras dengan Artikel Syarikat semua Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah tertakluk kepada pemilihan oleh para pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") selepas pelantikan mereka. Artikel tersebut juga memperuntukkan bahawa satu pertiga (1/3) daripada baki Pengarah, tertakluk kepada pemilihan semula secara giliran sekurang-kurangnya sekali setiap tiga (3) tahun.

Para Pengarah yang berusia lebih tujuh puluh (70) tahun dikehendaki menawarkan diri mereka untuk pelantikan semula setiap tahun selaras dengan Seksyen 129 (6) Akta Syarikat, 1965.

Directorships in Other Companies

Each of the Directors holds not more than ten (10) directorships in any public listed companies and not more than fifteen (15) in other companies (other than listed companies) as in accordance with the Bursa Malaysia Listing Requirements. This ensures the Directors' commitment, resources and time are focused for effective input to the Board. The directorships of each director are set out in the Profile of Directors and in Semi-Annual Returns to Bursa Malaysia.

Continual Training of Directors

The Directors have attended and completed the Mandatory Accreditation Programme conducted by Research Institute of Investment Malaysia (RIIAM). They have also been attending continuous educational programmes (CEP) which are necessary to ensure that Directors are kept abreast on various issues having relevance to the constantly changing environment within which the business of the Group operates.

In line with the recent amendment to Practice Note No.15/2003 which prescribes that the Board of Directors of Public Listed Companies shall be responsible for determining the training needs of the Directors with effect from 1 January 2005, the Company will be identifying and developing a series of formal training programmes tailored to the needs of the Board of Directors.

MEETINGS OF THE BOARD

During the financial year ended 31 December 2004, ten (10) Board meetings were convened to deliberate and consider a variety of significant matters including review of quarterly financial statements, overall performance of the Company and the subsidiary companies, budget, risk assessment, major investments, acquisitions and other corporate proposals.

Jawatan Pengarah dalam Syarikat-syarikat Lain

Setiap Pengarah memegang tidak lebih daripada sepuluh (10) jawatan pengarah dalam mana-mana syarikat senarai awam lain dan tidak lebih daripada lima belas (15) dalam syarikat-syarikat lain (selain daripada syarikat tersenarai) selaras dengan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia. Ini bertujuan bagi memastikan tumpuan komitmen, sumber dan masa para Pengarah untuk menyumbangkan input berkesan kepada Lembaga Pengarah. Jawatan pengarah bagi setiap pengarah dinyatakan dalam Profil Pengarah dan Laporan Setengah Tahun kepada Bursa Malaysia.

Latihan Berterusan Pengarah

Para Pengarah telah menghadiri dan menamatkan Program Akreditasi Mandatori yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Malaysia (RIIAM). Mereka juga telah menghadiri program pendidikan berterusan (CEP) yang perlu bagi memastikan supaya para Pengarah dikemaskinikan dengan pelbagai isu berkaitan dengan persekitaran perniagaan Kumpulan yang sentiasa berubah.

Selari dengan pindaan terbaru Nota Amalan No. 15/2003 yang menyatakan bahawa Lembaga Pengarah Syarikat Senarai Awam hendaklah bertanggungjawab menentukan keperluan latihan para Pengarah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2005, Syarikat akan mengenalpasti siri program latihan yang bersesuaian dengan keperluan Lembaga Pengarah.

MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004, sepuluh (10) mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan untuk membincang dan mempertimbangkan pelbagai perkara penting termasuk kajian penyata kewangan suku tahunan, prestasi keseluruhan Syarikat dan anak-anak syarikat, belanjawan, penilaian risiko, pelaburan utama, pengambilalihan dan cadangan-cadangan korporat lain.

Details of each Director's meeting attendance are as follows:

Butir-butir kehadiran mesyuarat setiap Pengarah adalah seperti berikut:

Directors Pengarah	Status Status	Meeting Attendance Kehadiran Mesyuarat
1. Dato' Mohamed Azman bin Yahya	Non-Independent Non-Executive Chairman Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif	10/10
2. Datuk Sulaiman bin Daud	Senior Independent Non-Executive Director Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif	8/10
3. Azhar bin Hussain	Managing Director Pengarah Urusan	10/10
4. Dato' Abdul Wahid bin Omar (resigned w.e.f. 30 June 2004) (bersara pada 30 Jun 2004)	Non-Independent Non-Executive Director Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	5/5
5. Dato' Ahmad Pardas bin Senin (appointed w.e.f. 1 July 2004) (dilantik pada 1 Julai 2004)	Non-Independent Non-Executive Director Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	4/5
6. Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin	Non-Independent Non-Executive Director Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	9/10
7. Dato' Prof. Ir. Dr. Mohammad Noor bin Salleh	Independent Non-Executive Director Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	8/10
8. Ismael Fariz bin Ali	Independent Non-Executive Director Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	9/10

The proceedings and resolutions passed at each Board meeting are minuted and kept in the registered office of the Company.

Prosiding dan resolusi yang dibentangkan di setiap mesyuarat Lembaga Pengarah dicatat dan disimpan di pejabat berdaftar Syarikat.

In most instances, the senior management of the Company as well as professionals and external advisors are invited to be in attendance at Board meetings to furnish clarification on issues that may be raised by the Board.

Kebiasaannya, pengurusan kanan Syarikat serta para profesional dan penasihat dijemput menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah untuk memberi penjelasan berhubung isu-isu yang mungkin dibangkitkan oleh Lembaga Pengarah.

Access to Information and Advice

The Board recognises that the decision making process is highly dependant on the reliability and completeness of information furnished to it. As such, the Board members have full and unrestricted access to information on the Group's business and

Akses kepada Maklumat dan Nasihat

Lembaga Pengarah mengakui bahawa proses membuat keputusan bergantung kepada kewibawaan dan kelengkapan maklumat yang diberi kepadanya. Oleh itu, dalam melaksanakan tugas mereka, ahli-ahli Lembaga Pengarah mempunyai akses penuh dan tidak terhad

statement on corporate governance

penyata tadbir urus korporat

affairs, whether as a full Board or in their individual capacity, in discharging their duties. The Board expects to receive timely advice on all material information about the Group.

Prior to Board meetings, the Directors will receive the agenda and a full set of Board papers containing information relevant to the matters to be deliberated at the meeting. The Board papers are comprehensive and encompass both quantitative and qualitative factors to facilitate prudent and informed decision making. The minutes of the previous Board meeting are also circulated to the Directors and confirmed at each meeting.

Senior management staff and key operational managers are informed of the guidelines concerning the content, presentation and delivery of papers to the Board for each Board meeting so that the Directors have sufficient information to be properly briefed.

The Board is aware that it may obtain independent professional advice from external consultants in furtherance of their duties, at the Company's expense (up to a maximum amount of RM100,000 per transaction). Thus so far, the Board finds no necessity to seek for any independent professional advice.

Directors have a direct access to the advice and the services of the Company Secretary who is responsible for ensuring that Board procedures are followed.

DIRECTORS' REMUNERATION PROCEDURE

The Remuneration Committee recommends to the Board the framework and the remuneration package for the Executive Director and Senior Management. In determining the framework, the Committee has access to professional advice from both internal and external sources.

kepada maklumat perniagaan dan hal-ehwal Kumpulan, samada sebagai Lembaga Pengarah penuh atau dalam kapasiti individu mereka. Lembaga Pengarah hendaklah menerima nasihat pada masa yang tepat berhubung semua maklumat penting berkenaan Kumpulan.

Sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah, para Pengarah akan menerima agenda dan satu set lengkap kertas-kertas Lembaga yang mengandungi maklumat berkaitan dengan hal-hal yang akan dibincangkan di mesyuarat. Kertas-kertas Lembaga adalah lengkap dan mengandungi faktor-faktor kuantitatif dan kualitatif bagi memudahkan proses membuat keputusan yang berhemat dan termaklum. Minit mesyuarat Lembaga Pengarah yang lepas turut diedarkan kepada para Pengarah dan disahkan di setiap mesyuarat.

Kakitangan pengurusan kanan dan pengurus-pengurus operasi penting dimaklumkan berhubung panduan mengenai kandungan, pembentangan dan penghantaran kertas-kertas kepada Lembaga Pengarah bagi setiap mesyuarat Lembaga Pengarah supaya para Pengarah memperoleh maklumat yang mencukupi untuk membolehkan taklimat yang sewajarnya diberi.

Lembaga Pengarah menyedari keperluan untuk mendapatkan nasihat profesional bebas daripada perunding luar dalam menjalankan tugas dengan perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat (had maksimum RM100,000 setiap urusan). Hingga kini, Lembaga Pengarah merasakan tiada sebab tertentu yang memerlukan mendapatkan perkhidmatan sedemikian.

Para Pengarah mempunyai akses terus kepada nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat yang bertanggungjawab memastikan supaya prosedur Lembaga Pengarah diikuti.

PROSEDUR IMBUHAN PENGARAH

Jawatankuasa Imbuhan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah rangka kerja dan pakej imbuhan bagi Pengarah Eksekutif dan Pengurusan Kanan. Dalam menentukan rangka kerja tersebut, Jawatankuasa mempunyai akses kepada nasihat profesional daripada sumber dalaman dan luar.

The determination of the remuneration of the Non-Executive Director is a matter for the Board as a whole and the Directors are paid annual fees and board meeting attendance allowances.

Further details of Directors' remuneration are set out below and in Note 5 to the financial statements.

Directors' Remuneration

The remuneration package of the Directors is as follows:

(a) Basic Salary

The basic salary (inclusive of statutory employer contributions to the Employee Provident Fund) for an Executive Director is recommended by the Remuneration Committee, taking into account the performance of the individual and information from independent sources on the rates of salary for a similar position in a selected group of comparable companies.

(b) Fees

The Board, based on the fixed sum as authorised by the Company's shareholders, determines fees payable to Non-Executive Directors after considering comparable industry rates and the level of responsibilities undertaken by Non-Executive Directors.

(c) Bonus Scheme

The Company operates a bonus scheme for all employees, including the Executive Directors. The criteria for the scheme is dependent on the financial performance of the Group as measured against the targets, together with an assessment of each individual's performance during the period. Bonus payable to Executive Director is reviewed by the Remuneration Committee and approved by the Board.

(d) Benefits-in-kind

Other benefits such as provision of company car or car allowance and driver, medical and dental cover for the director and immediate family, and leave passage.

Penetapan imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif ditentukan oleh Lembaga Pengarah secara keseluruhan dan para pengarah dibayar yuran tahunan dan elaun kehadiran mesyuarat lembaga pengarah.

Butir-butir lanjut berhubung imbuhan para Pengarah dibentangkan di bawah dan dalam Nota 5 kepada penyata kewangan.

Imbuhan Pengarah

Pakej imbuhan bagi para Pengarah adalah seperti berikut:

(a) Gaji Pokok

Gaji pokok (termasuk caruman berkanun majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) bagi seorang Pengarah Eksekutif disyorkan oleh Jawatankuasa Imbuhan, dengan mengambilkira prestasi individu dan maklumat daripada sumber-sumber bebas berhubung tahap gaji bagi jawatan yang serupa dalam kumpulan syarikat terpilih.

(b) Yuran

Berdasarkan jumlah tetap seperti yang telah diluluskan oleh pemegang saham Syarikat, Lembaga Pengarah menentukan yuran yang dibayar kepada Pengarah Bukan Eksekutif selepas mengambilkira kadar perbandingan industri dan tahap tanggungjawab yang dipikul oleh Pengarah Bukan Eksekutif.

(c) Skim Bonus

Syarikat memberi skim bonus kepada kakitangan termasuk Pengarah Eksekutif. Kriteria skim bergantung kepada prestasi kewangan Kumpulan yang diukur berdasarkan sasaran serta penilaian prestasi setiap individu sepanjang tempoh tersebut. Bonus yang boleh dibayar kepada Pengarah Eksekutif dinilai oleh Jawatankuasa Imbuhan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

(d) Manfaat Seumpamanya

Kemudahan lain seperti kenderaan syarikat atau elaun kenderaan dan pemandu, perlindungan perubatan dan pergigian diberi kepada pengarah dan keluarga terdekat dan ganjaran percutan.

statement on corporate governance
penyata tadbir urus korporat

(e) Retirement Plan

Contributions are made to the Employees Provident Fund (EPF), the national mandatory defined contribution in respect of Executive Director.

(f) Service Contract

The notice period for the termination of the Executive Director's service contract is three (3) months on either side. The Executive Director shall retire from office at least once in three (3) years but shall be eligible for re-election.

(g) Director's share options

Certain Directors are eligible for share options under the Company's Employee Share Option Scheme (ESOS) as well as the Employee Equity Scheme (EES) issued by UEM World Berhad, a substantial shareholder of the Company. The details are set out on page 61.

(e) Pelan Persaraan

Caruman dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), satu caruman mandatori kebangsaan yang ditetapkan bagi Pengarah Eksekutif.

(f) Kontrak Perkhidmatan

Tempoh notis bagi penamatan tempoh perkhidmatan Pengarah Eksekutif adalah tiga (3) bulan di kedua-dua belah pihak. Pengarah Eksekutif hendaklah bersara sekurang-kurangnya sekali dalam tiga (3) tahun tetapi adalah layak untuk dicalonkan semula.

(g) Opsyen Saham Pengarah

Beberapa para Pengarah layak untuk mendapat opsyen saham di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangan (ESOS) Syarikat dan Skim Ekuiti Kakitangan (EES) yang ditawarkan oleh UEM World Berhad, pemegang saham utama Syarikat. Butir-butirnya adalah seperti yang dinyatakan di muka surat 61.

Disclosure

The details of the remuneration for the financial year ended 31 December 2004 for each group of directors are as follows:

Pendedahan

Butir-butir imbuhan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004 untuk setiap kumpulan pengarah adalah seperti berikut:

Directors/Pengarah	Basic Salaries, Bonus and EPF/ Gaji Pokok, Bonus dan KWSP (RM)	Fees/ Yuran (RM)	Allowance/ Elaun (RM)	Sub-Total/ Jumlah Kecil (RM)	Benefits- in-kind/ Manfaat Seumpamanya (RM)	Total/ Jumlah (RM)
Executive Director / Pengarah Eksekutif	542,876	—	—	542,876	49,422	592,298
Non-Executive Directors / Pengarah Bukan Eksekutif	—	258,000	101,050	359,050	16,034	375,084
TOTAL / JUMLAH	542,876	258,000	101,050	901,926	65,456	967,382

The number of Directors whose total remuneration during the year fall within the following bands is as follows:

Bilangan Pengarah yang jumlah imbuhanannya berada dalam lingkungan yang dinyatakan di bawah adalah seperti berikut:

Range of Total Remuneration / Jumlah Ganjaran	Number of Directors / Bilangan Pengarah	
	Executive/ Eksekutif	Non-Executive/ Bukan Eksekutif
Below / Bawah RM50,000	—	2
RM50,001 – RM100,000	—	4
RM100,001 – RM200,000	—	1
Above / Atas RM500,000	1	—

Below are the details of the ESOS and EES granted to Directors:

Butir-butir ESOS dan EES yang diberikan kepada Para Pengarah adalah seperti di bawah:

Name/ Nama	Status/Status	Type of options/ Jenis Opsyen	No. of unexercised options	
			Bilangan opsyen yang belum dilaksanakan 31 Dec/Dis 2004	31 Dec/Dis 2003
Azhar bin Hussain	Managing Director/ Pengarah Urusan	ESOS	372,500	350,000
			1,113,000	1,590,000
Dato' Ahmad Pardas bin Senin	Non-Executive Director Pengarah Bukan Eksekutif	EES	7,162,000	2,100,000

BOARD COMMITTEES

Board Committees have clearly defined terms of reference to assist and support the Board in its responsibility to oversee the Group's operations and to make the necessary recommendations relating thereto for the Board's consideration. At all times, the ultimate responsibility for the final decision on all matters, lies with the entire Board.

The members of the various Committees as at 31 December 2004 are set out on pages 24 to 25 of this Annual Report.

Audit Committee

The composition and functions of the Audit Committee are laid down on pages 80 to 87 of this Annual Report.

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Jawatankuasa Lembaga Pengarah mempunyai bidang kuasa yang ditakrif dengan jelas bagi membantu dan menyokong Lembaga Pengarah dalam tanggungjawabnya mengawasi operasi Kumpulan dan membuat syor-syor yang perlu berkaitannya untuk pertimbangan Lembaga Pengarah. Tanggungjawab muktamad, pada setiap masa, berhubung keputusan akhir ke atas semua perkara terletak kepada keseluruhan Lembaga Pengarah.

Ahli-ahli pelbagai Jawatankuasa pada 31 Disember 2004 dinyatakan di muka surat 24 hingga 25 dalam Laporan Tahunan ini.

Jawatankuasa Audit

Komposisi dan fungsi Jawatankuasa Audit dibentangkan di muka surat 80 hingga 87 dalam Laporan Tahunan ini.

Nomination Committee

Duties and Responsibilities

The Nomination Committee's responsibilities include the following and such other responsibilities as may be determined by the Board from time to time:

- Examine the size of the Board with a view to determine the number of Directors on the Board in relation to its effectiveness.
- Review annually its required mix of skills and experience and other qualities, including core competencies which Non-Executive Directors should bring to the board and disclose the same in the Annual Report.
- Recommend suitable orientation, educational and training programmes to continuously train and equip the existing and new Directors.
- Ensure that the appointment of any Executive Director or Managing Director shall be for a fixed term not exceeding three (3) years at any one time with power to make recommendation to reappoint, remove or dismiss thereafter.
- To recommend to the Board, candidates for all directorships proposed by the Managing Director, any Director or shareholder to fill the seats on the Audit, Nomination, Remuneration or other Committees. A description/specification for the new Directors should be drafted before identifying possible candidates. Candidates should be evaluated against this specification.
- Assess annually the effectiveness of the Board as a whole, the committees of the Board and the contribution of each individual director based on the process implemented by the Board.

During the financial year, two (2) meetings were held and all members were present. The Nomination Committee also considered the nomination of YBhg Dato' Ahmad Pardas bin Senin as Non-

Jawatankuasa Pencalonan

Tugas dan Tanggungjawab

Tanggungjawab Jawatankuasa Pencalonan meliputi perkara-perkara berikut dan tanggungjawab-tanggungjawab lain yang mungkin ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dari masa ke masa:

- Meneliti saiz Lembaga Pengarah dengan tujuan untuk menentukan bilangan Pengarah dalam Lembaga Pengarah dengan keberkesannya.
- Setiap tahun mengkaji pelbagai kemahiran dan pengalaman dan ciri-ciri lain yang diperlukan, termasuk daya saing teras yang patut dibawa oleh para Pengarah Bukan Eksekutif ke Lembaga Pengarah dan mendedahkannya di dalam Laporan Tahunan.
- Mengesyorkan program orientasi, pendidikan dan latihan yang sesuai untuk melatih dan melengkapkan para Pengarah sedia ada dan baru secara berterusan.
- Memastikan supaya pelantikan mana-mana Pengarah Eksekutif dan Pengarah Urusan dilakukan bagi tempoh yang ditetapkan tidak melebihi tiga (3) tahun pada satu-satu masa berserta kuasa untuk membuat cadangan untuk melantik semula, menukar atau memecat selepas tempoh tersebut tamat.
- Mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, calon-calon bagi semua jawatan pengarah yang dicadangkan oleh Pengarah Urusan, mana-mana Pengarah atau pemegang saham bagi mengisi jawatan dalam Jawatankuasa Audit, Pencalonan, Imbuhan atau jawatankuasa-jawatankuasa lain. Gambaran / spesifikasi bagi para Pengarah baru hendaklah dirangka sebelum mengenalpasti calon-calon yang layak. Calon-calon hendaklah dinilai berdasarkan spesifikasi ini.
- Setiap tahun menilai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhannya, jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan sumbangan setiap pengarah berdasarkan proses yang dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah.

Pada tahun kewangan ini, dua (2) mesyuarat telah diadakan dengan kehadiran semua ahli. Jawatankuasa Pencalonan turut mempertimbangkan pencalonan YBhg Dato' Ahmad Pardas bin Senin

Independent Non-Executive Director of the Company. Following the recommendation of the Nomination Committee, the Board approved the appointment on YBhg Dato' Ahmad Pardas bin Senin on 1 July 2004.

Remuneration Committee

The Remuneration Committee reviews annually the performance of the Executive Director and other selected top management positions and furnishes recommendations to the Board on all elements of the remuneration, terms of employment, reward structure and fringe benefits with the aim to attract, retain and motivate individuals of the highest quality.

Duties and responsibilities

- Set, review, recommend and advise the policy framework on all elements of the remuneration such as reward structure, fringe benefits and other terms of employment of Executive Director and the Managing Director.
- Advise the Board on the performance of the Managing Director and an assessment of his/her entitlement to performance related pay. The Remuneration Committee should also advise the Managing Director on the remuneration and terms and conditions of the senior staff.
- Represent the public interest and avoid any inappropriate use of public funds when considering severance payments for senior staff.
- Review the history of and proposals for the remuneration package of each of the company's committees.

During the financial year, one (1) meeting was held and all members were present. The Committee reviewed the revised benefit for the senior management staff and proposal on the allocation of Bonus and Salary Adjustment for 2004. The Committee also reviewed the performance of the senior executives of the Group.

sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Syarikat. Berikutan syor Jawatankuasa Pencalonan, Lembaga Pengarah telah meluluskan pelantikan YBhg Dato' Ahmad Pardas bin Senin pada 1 Julai 2004.

Jawatankuasa Imbuhan

Jawatankuasa Imbuhan mengkaji setiap tahun prestasi Pengarah Eksekutif dan jawatan-jawatan pengurusan tertinggi terpilih dan mengemukakan syor-syor kepada Lembaga Pengarah berhubung semua elemen imbuhan, terma pekerjaan, struktur ganjaran dan faedah tambahan dengan tujuan untuk menarik, mengekal dan memotivasi individu-individu yang mempunyai ciri-ciri kualiti tertinggi.

Tugas dan tanggungjawab

- Menetapkan, mengkaji, mengesyor dan menasihati rangka kerja dasar berhubung semua elemen imbuhan seperti struktur ganjaran, faedah tambahan dan terma-terma lain pekerjaan Pengarah Eksekutif dan Pengarah Urusan.
- Memaklumkan Lembaga Pengarah berhubung prestasi Pengarah Urusan dan membuat penilaian terhadap kelayakan beliau untuk menerima ganjaran berkaitan prestasi. Jawatankuasa Imbuhan juga hendaklah memaklumkan Pengarah Urusan berhubung imbuhan serta terma dan syarat bagi kakitangan kanan.
- Mewakili kepentingan orang ramai dan mengelakkan sebarang penggunaan dana awam yang tidak sewajarnya sewaktu mempertimbangkan pembayaran pelepasan jawatan bagi kakitangan kanan.
- Mengkaji sejarah dan cadangan bagi pakej imbuhan setiap jawatankuasa syarikat.

Pada tahun kewangan ini, satu (1) mesyuarat telah diadakan dan dihadiri oleh kesemua ahli. Jawatankuasa mengkaji semakan manfaat bagi kakitangan pengurusan kanan dan cadangan berhubung Bonus dan Pelarasan Gaji bagi tahun 2004. Jawatankuasa juga mengkaji prestasi eksekutif kanan Kumpulan.

Risk Management Committee

This committee is to assist the Board to oversee the overall management of all risks covering industry risk, country risk, strategic risk, financial risk, customer risk, product risk, internal processes risk, people risk and information technology risk. The Committee also reviews and evaluates the adequacy of the overall risk management policies and procedures and ensures that there is adequate risk reporting for core business activities.

During the financial year, two (2) meetings were held and all members were present.

ESOS Committee

The ESOS Committee, comprising four (4) members have met twice during the financial year.

The ESOS Committee's responsibilities are as follows:

- To administer the Scheme in accordance with the Bye-Laws of the ESOS and, in such manner, as it shall in its discretion deem fit and within such powers and duties as conferred upon it by the Board.
- To review and amend, at any time and from time to time, any provisions of the Scheme and the ESOS Bye-Laws, provided that such amendments are not prejudicial to the eligible employees and with the prior approval of the shareholders of the Company. Such modification shall subject to the approvals of the Board and the relevant authorities.

ACCOUNTABILITY AND AUDIT

The Board seeks to present a balanced and understandable assessment of the Company's financial position and prospects.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa ini membantu Lembaga Pengarah mengawasi keseluruhan pengurusan semua risiko meliputi risiko industri, risiko negara, risiko strategik, risiko kewangan, risiko pelanggan, risiko produk, risiko proses dalaman, risiko manusia dan risiko teknologi maklumat. Jawatankuasa juga mengkaji dan menilai kecukupan keseluruhan dasar dan prosedur pengurusan risiko serta memastikan supaya wujud laporan risiko bagi aktiviti-aktiviti perniagaan teras yang mencukupi.

Pada tahun kewangan ini, dua (2) mesyuarat telah diadakan dan dihadiri oleh kesemua ahli.

Jawatankuasa ESOS

Jawatankuasa ESOS yang terdiri daripada empat (4) orang ahli telah bermesyuarat sebanyak dua (2) kali pada tahun kewangan ini.

Tanggungjawab Jawatankuasa ESOS adalah seperti berikut:

- Mengurus Skim tersebut selaras dengan Undang-undang kecil ESOS dan dengan cara, sebagaimana pada pandangannya sesuai dan dalam lingkungan kuasa dan tugas seperti yang telah ditetapkan untuknya oleh Lembaga Pengarah.
- Mengkaji dan meminda, pada bila-bila masa dan dari masa ke masa, sebarang peruntukan Skim dan Undang-undang Kecil ESOS, dengan syarat pindaan tersebut tidak prejudis terhadap kakitangan yang layak dan telah dululuskan terlebih dahulu oleh para pemegang saham Syarikat. Perubahan berkenaan hendaklah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah dan pihak-pihak berkuasa berkaitan.

AKAUNTABILITI DAN AUDIT

Lembaga Pengarah berusaha untuk membentangkan penilaian yang seimbang dan boleh difahami berhubung kedudukan dan prospek kewangan Syarikat.

The Statement of Directors' Responsibilities is disclosed on page 79 of this Annual Report.

Statement of Internal Controls

The Statement of Internal Controls furnished on pages 74 to 78 of the Annual Report provides an overview of the state of internal controls of the Company.

Relationship with Auditors

The Company through the Audit Committee has an appropriate and transparent relationship with the external auditors. The role of the Audit Committee in relation to the external auditors is stated in pages 80 to 87 in the Report of the Audit Committee.

Statement of Compliance with Best Practices of the Code

The Board considers that it has complied throughout the financial year with Best Practices as set out in the Code, except for disclosure on directors' remuneration that complies with Appendix 9C Part A (10)(a) and (b) Chapter 9 of the Listing Requirements. Reports on environmental protection initiatives, health & safety, employee development and activities and community service are disclosed on pages 128 to 141 of this Annual Report.

COMMUNICATION WITH SHAREHOLDERS AND INVESTORS

Briefing to Analysts

The Company recognises the need for an independent third party assessment of the Company and the Group. Towards achieving this end, the Management conducts dialogues and briefings with the financial analysts, brokers and institutional fund managers and investors on the Company's financial results, performance and business development.

Penyata Tanggungjawab Para Pengarah disediakan di muka surat 79 dalam Laporan Tahunan ini.

Penyata Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman yang dibentangkan di muka surat 74 hingga 78 dalam Laporan Tahunan ini menyediakan tinjauan berhubung keadaan kawalan dalaman Syarikat.

Perhubungan dengan Juruaudit

Melalui Jawatankuasa Audit, Syarikat mempunyai perhubungan yang wajar dan telus dengan juruaudit luar. Peranan Jawatankuasa Audit berhubung juruaudit luar dinyatakan di muka surat 80 hingga 87 dalam Laporan Jawatankuasa Audit.

Penyata Pematuhan dengan Kod Amalan Terbaik

Sepanjang tahun kewangan ini, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa ia telah mematuhi Amalan Terbaik yang ditetapkan oleh Kod, kecuali berhubung pendedahan imbuhan para pengarah yang mematuhi Lampiran 9C Bahagian A(10)(a) dan (b) Bab 9 Keperluan Penyenaraian. Laporan berhubung inisiatif perlindungan alam sekitar, kesihatan dan keselamatan, pembangunan dan aktiviti kakitangan dan khidmat masyarakat di dedahkan di muka surat 128 hingga 141 dalam Laporan Tahunan ini.

KOMUNIKASI DENGAN PARA PEMEGANG SAHAM DAN PELABUR

Taklimat kepada Penganalisis

Syarikat sedar akan perlunya penilaian oleh pihak ketiga yang bebas terhadap Syarikat dan Kumpulan. Bagi mencapai tujuan ini, Pengurusan menjalankan dialog dan taklimat dengan penganalisis kewangan, broker dan pengurus dana institusi serta para pelabur berhubung keputusan kewangan, prestasi dan pembangunan perniagaan baru.

statement on corporate governance penyata tadbir urus korporat

This is to ensure that the investing community receives a balanced and complete view of the Company's performance and the current issues faced by the business. These briefings enable a direct dialogue to be established on the affairs of the Company with the investing community.

Presentations were made, as appropriate, to explain the Company's strategy, performance and major developments. However, any information that may be regarded as material and price sensitive about the Company and the Group will not be released.

The Company held a group fund analysts briefing on 20 May 2004 in Sheraton Subang Hotel & Towers, Selangor. In addition the Managing Director and the Chief Financial Officer also attended one on one meetings with various analysts and fund managers throughout the year.

Annual General Meeting

The AGM is the principal forum in which the Board reports on their stewardship to shareholders and account for the performance of the Company and the Group.

The AGM provides the opportunity for interaction among shareholders, Directors and management, where issues pertaining to the Annual Report, interim and quarterly reports, announcement to Bursa Malaysia and circulars to shareholders, could be raised and explained.

The AGM gives all registered shareholders, whatever the size of their shareholdings, direct access to the Board. Shareholders (and proxies) may enquire, among others, on the resolutions being proposed at the AGM, business operations of the Company, the Company's past performance, its results and intended future performance. The Board provides adequate time for the

Ini bertujuan untuk memastikan supaya komuniti pelabur menerima pandangan yang seimbang dan lengkap berhubung prestasi Syarikat dan isu-isu semasa yang dihadapi oleh perniagaan. Taklimat-taklimat ini membolehkan dialog secara langsung dan terus diadakan berhubung hal-ehwal Syarikat dengan komuniti pelabur.

Pembentangan diadakan, menurut keperluan, untuk menerangkan strategi, prestasi dan pembangunan utama Syarikat. Walau bagaimanapun, sebarang maklumat yang mungkin dianggap sebagai penting dan sensitif harga mengenai Syarikat dan Kumpulan tidak akan disiarkan.

Pada 20 Mei 2004, Syarikat telah mengadakan taklimat penganalisis dana berkumpulan di Sheraton Subang Hotel & Towers, Selangor. Selain itu, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Kewangan turut menghadiri mesyuarat tertutup dengan pelbagai penganalisis dan pengurus dana sepanjang tahun ini.

Mesyuarat Agung Tahunan

Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) adalah forum utama di mana Lembaga Pengarah membuat laporan berhubung kepimpinan mereka kepada para pemegang saham dan penerangan berhubung prestasi Syarikat dan Kumpulan.

AGM menyediakan peluang berinteraksi di kalangan para pemegang saham, Pengarah dan pengurusan, di mana isu-isu berkaitan Laporan Tahunan, interim dan laporan suku tahunan, pengumuman kepada Bursa Malaysia dan pekeliling kepada para pemegang saham, boleh dibangkit dan dijelaskan.

AGM menyediakan kepada semua pemegang saham, tidak mengira saiz pegangan saham mereka, akses secara langsung kepada Lembaga Pengarah. Para pemegang saham (dan proksi-proksi) boleh membuat pertanyaan, antara lain, berhubung resolusi-resolusi yang dicadangkan di AGM, operasi perniagaan Syarikat, prestasi Syarikat pada masa lepas, keputusan dan prestasi masa depannya yang disasarkan. Lembaga Pengarah menyediakan masa yang

shareholders' question and answer session, which the Board believes is paramount to the proper and efficient operation of AGM.

Annual Report and Other Communications

The Board believes that disclosure is at the heart of good governance as it enables shareholders and investors to make informed decisions and assist investors and the market in the evaluation of the Company's securities. Disclosures also reflect the capability of Management and the fulfilment of Company's objectives and strategies.

As part of the Board's practice of good governance, the Board maintains an active and constructive shareholder information/communication policy, by making timely announcements to Bursa Malaysia and disseminating material information which are clear, unambiguous, succinct, accurate and contain sufficient information to enable shareholders and investors to make informed investment decisions.

Financial results for the particular quarter and financial year are announced on the same day the Board approval for announcement is obtained.

The Board ensures that all formal queries by Bursa Malaysia and other regulatory authorities are expeditiously responded to in writing.

In order to reach a wider audience of shareholders and investors, information relevant to shareholders and investors are disclosed to the public via the Company's website at www.pharmaniaga.com, and the Annual Report, including Financial Statements sections of the Annual Report, are printed in English as well as in Bahasa Malaysia.

mencukupi untuk sesi soal jawab dengan para pemegang saham, yang mana Lembaga Pengarah percaya merupakan suatu faktor penting untuk operasi AGM yang wajar dan cekap.

Laporan Tahunan dan Komunikasi-komunikasi Lain

Lembaga Pengarah percaya bahawa pendedahan adalah teras tadbir urus yang baik kerana ia membolehkan para pemegang saham dan pelabur membuat keputusan yang termaklum, dan membantu para pelabur dan pasaran menilai sekuriti Syarikat. Pendedahan turut menggambarkan kebolehan Pengurusan dan tahap pencapaian objektif dan strategi Syarikat.

Sebagai amalan tadbir urus yang baik, Lembaga Pengarah mengekalkan satu dasar maklumat/komunikasi pemegang saham yang aktif dan membina, dengan membuat pengumuman tepat pada masanya kepada Bursa Malaysia dan menyampaikan maklumat penting yang jelas, tidak kabur, padat, tepat dan mengandungi maklumat yang mencukupi bagi membolehkan para pemegang saham dan pelabur membuat keputusan pelaburan yang termaklum.

Keputusan kewangan bagi suku tahun dan tahun kewangan ini diumumkan pada hari yang sama di mana kelulusan untuk pengumuman diperolehi dari Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah memastikan supaya semua pertanyaan rasmi oleh Bursa Malaysia dan pihak-pihak berkuasa lain diberi maklum balas dengan segera dalam bentuk bertulis.

Bagi membolehkan ia menjangkau lebih ramai pemegang saham dan pelabur, maklumat yang berkaitan dengan para pemegang saham dan pelabur didedahkan kepada orang ramai melalui laman web Syarikat di www.pharmaniaga.com dan dalam Laporan Tahunan, termasuk Penyata Kewangan dalam Laporan Tahunan yang dicetak dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.

statement on corporate governance
penyata tadbir urus korporat

Shareholders and investors therefore have timely and convenient access to information on the Company, be it corporate developments, quarterly financial result announcements, press releases or the Company's Annual Report.

OTHER INFORMATION

In conformance with the Listing Requirements, the following is also disclosed for shareholders information:

Non-Audit Fees

The amount of non-audit fees paid and payable to the external audit firms by the Company and its subsidiaries for the financial year ended 31 December 2004 are as follows:

External Auditor / Firma Audit Luar

RM'000

PricewaterhouseCoopers

648

Material Contracts

Save as disclosed below, there are no contracts which may be material (not being contracts entered into in the ordinary course of business) that have been entered by the Company or its subsidiary companies in the past two (2) years preceding the date of this Annual Report.

- (i) Share Sale and Purchase Agreement dated 30 November 2004 between Pharmaniaga Berhad ("Pharmaniaga") and Kuala Lumpur Industries Holdings Berhad ("KLIH") whereby KLIH agrees to dispose and Pharmaniaga agrees to acquire the Sale Shares of Pharmaniaga Logistics Sdn Bhd ("PLSB") which constitutes 30% of the entire issued and paid up share capital of PLSB for the sum of RM77,500,000.

Oleh itu, para pemegang saham dan pelabur mempunyai akses yang mudah dan tepat pada masanya terhadap maklumat berhubung Syarikat, samada pembangunan korporat, pengumuman keputusan kewangan suku tahunan, siaran akhbar atau Laporan Tahunan Syarikat.

MAKLUMAT LAIN

Demi mematuhi Keperluan Penyenaraian maklumat berikut juga turut didedahkan untuk pengetahuan para pemegang saham:

Yuran Bukan Audit

Amaun yuran bukan audit yang dibayar dan perlu dibayar kepada firma audit luar oleh Syarikat dan anak-anak syarikatnya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004 adalah seperti berikut:

Kontrak Penting

Selain daripada yang didedahkan di bawah, tiada sebarang kontrak yang mungkin penting (bukan kontrak yang dimeterai dalam perjalanan biasa perniagaan) yang telah dimeterai oleh Syarikat atau anak-anak syarikatnya sepanjang dua (2) tahun sebelum tarikh Laporan Tahunan ini.

- (i) Perjanjian Jual Beli Saham bertarikh 30 November 2004 antara Pharmaniaga Berhad ("Pharmaniaga") dan Kuala Lumpur Industries Holdings Berhad ("KLIH") di mana KLIH bersetuju untuk menjual dan Pharmaniaga bersetuju untuk membeli Jualan Saham Pharmaniaga Logistics Sdn Bhd ("PLSB") yang meliputi 30% daripada keseluruhan modal saham diterbitkan dan berbayar PLSB untuk jumlah sebanyak RM77,500,000.

- (ii) Contract Document for Demolition and Refurbishment Work dated 13 August 2004 between Safire Pharmaceuticals (M) Sdn Bhd as employer and UEM Construction Sdn Bhd as contractor to demolish and refurbish Penicillin Block (Phase 1) & Non-Penicillin Block (Phase 2) for “Cadangan Ubahsuaian dan Tambahan Sebahagian Kilang Farmasi Setingkat” at Lot 120, Taman Farmaseutikal, Bandar Baru Seri Iskandar, Mukim Bota, Daerah Perak for the sum of RM11,014,076.
- (iii) Design and Construction Agreement dated 9 July 2004 between Pharmaniaga Manufacturing Berhad as employer and UEM Construction Sdn Bhd as contractor for the design, construction and completion of Phase 3 of the proposed new laboratory and office extension at existing main building at 11a, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan for the sum of RM10,013,000.
- (iv) Sale and Purchase Agreement dated 31 May 2004 entered into by Pharmaniaga Manufacturing Berhad as vendor and Pharmaniaga LifeScience Sdn Bhd as purchaser for the sale and purchase of the vacant land, Lot 7, 8 and 9 within the Pekan Puchong Perdana and District of Petaling, Negeri Selangor having total land areas of approximately 17.62 acres for the purchase price of RM27,000,000.
- (v) Design and Construct Contract with Guaranteed Maximum Price dated 7 May 2004 between Pharmaniaga Manufacturing Berhad and WTW Bovis Berhad whereby WTW Bovis Berhad is to provide design services, construction services and project management services for Pharmaniaga Manufacturing Berhad for the sum of RM43,678,870.
- (ii) Dokumen Kontrak untuk Kerja Meruntuh dan Membaikpulih bertarikh 13 Ogos 2004 antara Safire Pharmaceuticals (M) Sdn Bhd sebagai majikan dan UEM Construction Sdn Bhd sebagai kontraktor untuk meruntuh dan membaikpulih Blok Penicilin (Fasa 1) & Blok Bukan Penicilin (Fasa 2) bagi Cadangan Ubahsuaian dan Tambahan Sebahagian Kilang Farmasi Setingkat di Lot 120, Taman Farmaseutikal, Bandar Baru Seri Iskandar, Mukim Bota, Daerah Perak, dengan jumlah sebanyak RM11,014,076.
- (iii) Perjanjian Merekabentuk dan Membina bertarikh 9 Julai 2004 antara Pharmaniaga Manufacturing Berhad sebagai majikan dan UEM Construction Sdn Bhd sebagai kontraktor untuk merekabentuk, membina dan menyiapkan Fasa 3 cadangan makmal baru dan pembesaran bangunan pejabat di bangunan utama di 11a, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan dengan jumlah sebanyak RM10,013,000.
- (iv) Perjanjian Jual Beli bertarikh 31 Mei 2004 yang dimeterai oleh Pharmaniaga Manufacturing Berhad sebagai penjual dan Pharmaniaga LifeScience Sdn Bhd sebagai pembeli bagi jual beli tanah kosong, Lot 7, 8 dan 9 dalam Pekan Puchong Perdana dan Daerah Petaling, Negeri Selangor dengan jumlah keluasan kawasan sebanyak 17.62 ekar untuk harga belian sebanyak RM27,000,000.
- (v) Kontrak Merekabentuk dan Membina dengan Jaminan Harga Maksimum bertarikh 7 Mei 2004 antara Pharmaniaga Manufacturing Berhad dan WTW Bovis Berhad di mana WTW Bovis Berhad bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan merekabentuk, perkhidmatan membina dan perkhidmatan pengurusan projek untuk Pharmaniaga Manufacturing Berhad dengan jumlah sebanyak RM43,678,870.

statement on corporate governance
penyata tadbir urus korporat

(vi) The memorandum of understanding (“MOU”) entered into on 8 June 2004 between Pharmaniaga Berhad and PT Tigamitra Multikarya for the acquisition by Pharmaniaga Berhad of the 55% equity interest in PT Millennium Pharmacon International Tbk from PT Tigamitra Multikarya.

(vii) Pursuant to the MOU dated 8 June 2004, on 29 September 2004, Pharmaniaga Berhad through its subsidiary, Esteem Interpoint Sdn Bhd had entered into a conditional sale and purchase agreement with PT Tigamitra Multikarya for the acquisition of 400,400,000 shares of Indonesian Rupiah 100 each representing 55% equity in PT Millennium Pharmacon International Tbk for a total consideration of IDR 28,028,000,000 (approximately RM12,220,208).



(viii) On 28 May 2004, Pharmaniaga and China Worldbest Group Co Ltd (“CWG”) had entered into an MOU for the cooperation and joint undertakings with CWG in the areas of:-

- (a) Manufacturing and distribution of intravenous drips;
- (b) Manufacturing of pharmaceutical medicine;
- (c) Setting up a logistics and distribution company to consolidate CWG’s pharmaceutical distribution with more efficiency and effectiveness through introduction of world standard technology; and
- (d) To assist in whatever way possible to cater for exports overseas.

This MOU remains in effect until the execution of formal agreements by both parties to give effect to the purposes and objectives of this MOU, or termination upon mutual agreement, whichever may be is earlier.

(vi) Memorandum persefahaman (“MOU”) telah dimeterai pada 8 Jun 2004 antara Pharmaniaga Berhad dan PT Tigamitra Multikarya bagi pengambilalihan 55% kepentingan ekuiti dalam PT Millennium Pharmacon International Tbk daripada PT Tigamitra Multikarya oleh Pharmaniaga Berhad.

Berusia 40 tahun, Abd. Rahman adalah Pengurus Besar Kanan, Pembangunan Perniagaan. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dalam jurusan Perakaunan dan Kewangan dari University of Tasmania, Australia dan merupakan seorang Akauntan Pengamal Bertauliah serta Fellow CPA Australia dan Ahli Bertauliah Institut Akauntan Malaysia. Beliau pernah berkhidmat dengan PriceWaterhouse sebagai Juruaudit Kanan dari 1988 hingga 1991. Selepas itu, beliau menyertai Petronas Trading Corporation Sdn Bhd (PETCO) sebelum dipinjamkan kepada Subic Bay Petroleum Products Ltd, sebuah syarikat usahasama antara PETCO dan Coastal Corporation, Amerika Syarikat sebagai Pengawal Kewangan pada tahun 1994. Kemudian beliau menyertai Pharmaniaga Manufacturing sebagai Pengurus Besar, Kewangan dan Pentadbiran pada bulan Mei 1995. Beliau telah dilantik ke jawatan sekarang pada tahun 2001 untuk meneroka pelbagai peluang bagi meluaskan lagi perniagaan Pharmaniaga, di dalam dan di luar negara. Beliau memegang jawatan pengarah untuk Pharmaniaga Manufacturing dan Safire Pharmaceuticals.

Ibrahim bin Zainudin

Ibrahim, aged 47, is the Senior General Manager for Pharmaniaga's Manufacturing Division which is responsible for Pharmaniaga Manufacturing in Bandar Baru Bangi, Selangor; Safire Pharmaceuticals in Bandar Seri Iskandar, Perak; and Pharmaniaga Lifescience in Puchong Selangor. His responsibilities include overseeing all manufacturing activities, engineering services, project management, production planning and inventory control, as well as warehouse management. A graduate from Liverpool Polytechnic, United Kingdom with a Bachelor of Science (Honours) in Applied Biology, majoring in Microbiology & Biochemistry, he has over 22 years experience in the manufacturing industry, particularly in pharmaceuticals and medical devices. He began his career with Glaxo Malaysia Sdn Bhd (1982 – 1992) serving in various management functions including Quality Control Laboratory, Production and Quality Assurance. He also served with Euromedical Industries Sdn Bhd (a US FDA registered medical device manufacturing facility) from 1992 until 2001 in various disciplines including Quality Assurance & Regulatory Affairs, Research & Development and Human Resource management. Ibrahim joined the Group in March 2001. He also holds directorship positions in Pharmaniaga Manufacturing and Safire Pharmaceuticals.

Berusia 47 tahun, Ibrahim adalah Pengurus Besar Kanan Bahagian Pekilangan Pharmaniaga yang bertanggungjawab terhadap Pharmaniaga Manufacturing di Bandar Baru Bangi, Selangor; Safire Pharmaceuticals di Bandar Seri Iskandar, Perak; dan Pharmaniaga Lifescience di Puchong, Selangor. Tanggungjawab beliau meliputi pengawasan semua aktiviti pekilangan, perkhidmatan kejuruteraan, pengurusan projek, perancangan pengeluaran dan kawalan inventori serta pengurusan gudang. Ibrahim yang merupakan lulusan Liverpool Polytechnic, United Kingdom dengan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Biologi Gunaan dalam jurusan Mikrobiologi & Biokimia, mempunyai pengalaman selama lebih 22 tahun dalam industri pekilangan khususnya dalam bidang farmaseutikal dan peranti perubatan. Beliau memulakan kerjaya dengan Glaxo Malaysia Sdn Bhd (1982 – 1992) dalam pelbagai perkhidmatan fungsi pengurusan termasuk Makmal Kawalan Kualiti serta Jaminan Pengeluaran dan Kualiti. Beliau juga pernah berkhidmat dengan Euromedical Industries Sdn Bhd (pengeluaran peranti perubatan yang berdaftar dengan US FDA) dari tahun 1992 hingga 2001 dalam pelbagai bidang termasuk Jaminan Kualiti & Hal Ehwal Perundangan, Kajian & Penyelidikan serta pengurusan Sumber Manusia. Ibrahim mula berkhidmat dengan Kumpulan pada bulan Mac 2001. Beliau juga memegang jawatan pengarah untuk Pharmaniaga Manufacturing dan Safire Pharmaceuticals.

Sukismo

Sukismo, 51, is President Director of PT. Millennium Pharmacon International Tbk (MPI). He began his career in MPI in 1974 as a member of the administrative staff. From 1975 to 1980 he was assigned to various positions i.e., as a salesman, a Supervisor in Jakarta, the Assistant Branch Manager in Medan, and as the Branch Manager in Makasar. In 1981 he was transferred to the Jogjakarta office as its Branch Manager until 1984 before his assignment as Branch Manager in Jakarta in 1988. After garnering wide experience in various branches, he was promoted to Assistant General Manager and then General Manager, from 1990 until 1996. At the 1996 Annual General Shareholders' Meeting of MPI, he was appointed as Director of the company. In 2003, he took on the role of President Director of MPI. Sukismo holds an MBA (marketing and finance) from Institute Management Prasetya Mulya Jakarta.

Berusia 51 tahun, Sukismo adalah Pengarah Presiden PT. Millennium Pharmacon Internation TBK (MPI). Beliau memulakan kerjaya di MPI pada tahun 1974 sebagai ahli kakitangan pentadbiran. Dari tahun 1975 hingga 1980, beliau telah ditugaskan ke beberapa jawatan seperti sebagai seorang jurujual, Penyelia di Jakarta, Penolong Pengurus Cawangan di Medan, dan sebagai Pengurus Cawangan di Makasar. Pada tahun 1981, beliau telah ditukar ke pejabat Jogjakarta sebagai Pengurus Cawangan sehingga 1984 sebelum ditugaskan sebagai Pengurus Cawangan di Jakarta pada tahun 1988. Selepas menimba pengalaman yang luas di pelbagai bidang, beliau telah dinaikkan pangkat ke jawatan Penolong Pengurus Besar dan kemudian Pengurus Besar dari 1990 hingga 1996. Pada Mesyuarat Agung Tahunan Pemegang Saham MPI 1996, beliau telah dilantik sebagai Pengarah syarikat. Pada tahun 2003, beliau mula memainkan peranan sebagai Pengarah Presiden MPI. Sukismo memegang MBA (pemasaran dan kewangan) dari Institut Pengurusan Prasetya Mulya Jakarta.

Izhar bin Shaari

Izhar, aged 47, is the Senior General Manager, Organisational Development. He joined Pharmaniaga Logistics on 1 February 2005. He graduated with a B.Sc (Finance) from Indiana State University, Indiana, USA in 1985 and a MBA from Stephen F. Austin State University, Texas, USA in 1987. Izhar has over 25 years of Human Resources experience and has served in various industries from banking and mining to electronic manufacturing and retailing. He served with Hewlett-Packard (M) Sdn Bhd for 6 years from 1989-1995, with Read-Rite (M) Sdn Bhd from 1995-1998, and then joined TOPS Retail (M) Sdn Bhd, an operating company of the Royal Ahold Group, Netherlands from 1999 to 2003. Prior to joining Pharmaniaga, he had a short stint with Scomi Group Berhad. Izhar is a member of the Malaysian Institute of Human Resource Management and has in the past, served on the Industrial Relations Panel of the Malaysian Employers Federation (MEF).

Berusia 47 tahun, Izhar adalah Pengurus Besar Kanan, Pembangunan Organisasi. Beliau menyertai Pharmaniaga Logistics pada 1 Februari 2005. Izhar adalah lepasan B.Sc (Kewangan) dari Indiana State University, Indiana, AS pada tahun 1985 dan MBA dari Stephen F. Austin State University, Texas, AS pada tahun 1987. Beliau mempunyai pengalaman selama lebih 25 tahun dalam bidang Sumber Manusia dan telah berkhidmat dalam pelbagai industri daripada perbankan dan perlombongan, hingga ke pekilangan elektronik dan peruncitan. Beliau pernah berkhidmat di Hewlett-Packard (M) Sdn Bhd selama enam tahun dari tahun 1989-1995, dengan Read-Rite (M) Sdn Bhd dari 1995-1998 dan kemudian menyertai TOPS Retail (M) Sdn Bhd, sebuah syarikat operasi Royal Ahold Group, Belanda dari tahun 1999 hingga 2003. Sebelum menyertai Pharmaniaga, beliau telah berkhidmat untuk jangka masa yang pendek dengan Scomi Group Berhad. Izhar adalah ahli Institut Pengurusan Sumber Manusia Malaysia dan pernah berkhidmat dalam Panel Perhubungan Industri bagi Persekutuan Majikan Malaysia (MEF).

profile of senior management
profil pengurusan kanan

Victor Hau Un Gee

Victor, aged 48, is the Senior General Manager of Pharmaniaga Marketing. He joined Pharmaniaga on 26 July 2004. He holds a Bachelor of Science (Honours) in Biochemistry and Pharmacology from Monash University, Australia and graduated with a Masters in Business Administration from the University of Bath, United Kingdom. Victor has over 23 years of sales and marketing experience in the pharmaceuticals industry. He started his career with JL Morison Son & Jones Sdn Bhd (1982-1983), joined Johnson & Johnson Sdn Bhd (1983-1990), and served Ciba-Geigy (M) Sdn Bhd (1990-1993). He was also attached to Wyeth (M) Sdn Bhd for ten years and served as Managing Director (1996-2004). Victor was the 2nd Vice President of Pharmaceutical Association of Malaysia and Chairman of the Ethics Committee. He was also a member of the American Chamber of Commerce (AMCHAM) and a member of TEC Asia (Executive Committee).

Berusia 48 tahun, Victor adalah Pengurus Besar Kanan Pharmaniaga Marketing. Beliau menyertai Pharmaniaga pada 26 Julai 2004. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Biokimia dan Farmakologi dari Monash University, Australia dan lulus Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Bath, United Kingdom. Victor mempunyai pengalaman selama lebih 23 tahun dalam bidang jualan dan pemasaran bagi industri farmaseutikal. Beliau memulakan kerjaya dengan JL Morison Son & Jones Sdn Bhd (1982-1983), menyertai Johnson & Johnson Sdn Bhd (1983-1990) dan berkhidmat dengan Ciba-Geigy (M) Sdn Bhd (1990-1993). Beliau juga bertugas di Wyeth (M) Sdn Bhd selama sepuluh tahun dan berkhidmat sebagai Pengarah Urusan (1996-2004). Victor adalah Naib Presiden kedua Persatuan Farmaseutikal Malaysia dan Pengerusi Jawatankuasa Etika. Beliau juga merupakan ahli American Chamber of Commerce (AMCHAM) dan ahli TEC Asia (Jawatankuasa Eksekutif).

Michael Loh Kee Ming

Michael Loh, aged 50, is the General Manager of the Medical Equipment Unit. He graduated with a Bachelor of Arts from the University of Auckland, New Zealand and began his career in January 1980 as an Assistant Secretary in the Ministry of Energy, Telecommunications and Post. He then served with the Malaysian Civil Service as an Administrative and Diplomatic Officer for sixteen (16) years until he went on optional retirement in 1995. His last position in Government Service was as the Principal Private Secretary to the Minister of Health, Malaysia. He joined Pharmaniaga Logistics as the Senior Manager for Business Development in June 1995. In October 1996, he was concurrently made the head of the newly established Medical Equipment Unit, and in 1999 was made solely responsible as Head of this expanded unit, and subsequently promoted to General Manager of the unit in January 2002.

Berusia 50 tahun, Michael Loh adalah Pengurus Besar Unit Peralatan Perubatan. Beliau adalah graduan dari University of Auckland, New Zealand dengan Ijazah Sarjana Muda Sastera dan memulakan kerjaya pada Januari 1980 sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Pos. Beliau kemudian berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Malaysia sebagai Pegawai Tadbir Diplomatik selama enam belas (16) tahun sehingga persaraan pilihan beliau pada tahun 1995. Jawatan terakhir beliau dalam Perkhidmatan Kerajaan adalah sebagai Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Kesihatan Malaysia. Michael Loh menyertai Pharmaniaga Logistics sebagai Pengurus Kanan bagi Pembangunan Perniagaan pada Jun 1995. Pada bulan Oktober 1996, beliau telah dilantik serentak sebagai Ketua Unit Peralatan Perubatan yang baru ditubuhkan. Pada tahun 1999, beliau mengetuai secara serentak Unit Peralatan Perubatan yang telah berkembang, dan kemudiannya pada bulan Januari 2002, beliau dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar bagi unit yang sama.

Darmawan Subekti

Darmawan Subekti, 41, is the Finance Director of MPI since early 2003. Following his graduation in 1986, he started his career as an assistant lecturer moving on to become a lecturer of Food Process Engineering in the Faculty of Agriculture Technology, Bogor Agriculture University. He began his career in the banking industry in 1989 at the Accounting Division of Pan Indonesia Bank, following his graduation from the Officer Development Programme, a programme for management trainees at Pan Indonesia Bank. From 1991 until 1992 he was a Director of PT Pan LND, and thereon from 1992 to 1995 he was a Director of PT Pan Amcolindo. In 1995, he returned to Pan Indonesia Bank and became its Assistant Vice President in its Investment Department. Throughout his career, Darmawan has continued to develop his knowledge of Accounting and Finance through seminars and courses. He received his post-graduate diploma in Business Administration from Queensland University of Technology, Australia in 2002.

Berusia 41 tahun, Darmawan Subekti adalah Pengarah Kewangan MPI sejak awal tahun 2003. Selepas menamatkan pengajian pada tahun 1986, beliau telah memulakan kerjaya sebagai penolong pensyarah dan seterusnya sebagai pensyarah Kejuruteraan Proses Makanan di Fakulti Teknologi Pertanian, Bogor Agriculture University. Beliau memulakan kerjaya dalam industri perbankan pada tahun 1989 di Bahagian Perakaunan Pan Indonesia Bank selepas menamatkan Program Pembangunan Pegawai, sebuah program untuk pelatih pengurusan di Pan Indonesia Bank. Dari tahun 1991 hingga 1992 beliau berkhidmat sebagai Pengarah PT Pan LND dan kemudian sebagai Pengarah PT Pan Amcolindo dari tahun 1992 hingga 1995. Pada tahun 1995, beliau telah kembali berkhidmat ke Pan Indonesia Bank dan menjadi Penolong Timbalan Presiden di Jabatan Pelaburan. Sepanjang kerjaya beliau, Darmawan terus mengembangkan pengetahuan dalam bidang Perakaunan dan Kewangan melalui seminar dan kursus. Beliau menerima diploma selepas ijazah dalam jurusan Pentadbiran Perniagaan dari Queensland University of Technology, Australia pada tahun 2002.

Sathar Maricar

Sathar Maricar, 51, joined MPI as its Operations Director in January 2003. He graduated from Jayabaya University majoring in Accounting in 1978 and has undertaken managerial positions at companies such as Administration Bureau Widya, Tabungan Sakura Indonesia Bank and Continental Money Changer since 1973. He did a stint at the distribution company PT Eurindo Combined from 1980 until his last position as the Branch Manger of the Jakarta office in 1993. He then moved on to the Tempo Group, one of the biggest distribution companies for pharmaceutical products in Indonesia as its National Sales Manager and Functional Reviewer for the SAP Project until 2003.

Berusia 51 tahun, Sathar Maricar menyertai MPI sebagai Pengarah Operasi pada Januari 2003. Beliau menamatkan pengajian di Jayabaya University dalam jurusan Perakaunan pada tahun 1978 dan telah memegang jawatan pengurusan dalam syarikat-syarikat seperti Administration Bureau Widya, Tabungan Sakura Indonesia Bank dan Continental Money Changer sejak tahun 1973. Beliau pernah berkhidmat di syarikat pengedaran PT Eurindo Combined dari tahun 1980 sehingga beliau memegang jawtan terakhir sebagai Pengurus Cawangan di pejabat Jakarta 1993. Beliau kemudian bertukar ke Tempo Group, salah sebuah syarikat pengedaran terbesar bagi produk farmaseutikal di Indonesia sebagai Pengurus Jualan Nasional dan Pengkaji Fungsi bagi Projek SAP hingga 2003.




Technician checking weight, diameter, hardness and thickness of tablets to the set specifications using the automatic tablet tester as part of the in-process quality control checks of the product. Juruteknik memeriksa berat, garis pusat, kekerasan dan ketebalan tablet berbanding spesifikasi yang ditetapkan menggunakan alat pengujian tablet automatik sebagai sebahagian daripada proses pemeriksaan kawalan kualiti produk.

Manufacturing

pekilangan

(RM Million/Juta)



Throughout 2004, we placed high priority on process and technology improvements as well as technical skills enhancement in our manufacturing operations. In all of these improvement initiatives, we ensure that quality assurance, environmental protection and occupational health and safety standards were strictly complied with.

Additional investments in the above initiatives had resulted in a slight contraction in the segment's profitability for 2004. Value of production output for 2004 improved by 15.2 per cent to RM103.7 million from RM90.0 in 2003. Profitability, however, receded from

Sepanjang tahun 2004, Pharmaniaga memberi tumpuan utama terhadap peningkatan proses dan teknologi serta peningkatan kemahiran teknikal dalam operasi pekilangan kami. Dalam melaksanakan semua inisiatif ini, kami memastikan jaminan kualiti dan perlindungan alam sekitar, piawaian keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang ketat sentiasa dipatuhi.

Pelaburan tambahan dalam inisiatif di atas menyebabkan penguncupan kecil tahap keuntungan bahagian ini pada tahun 2004. Nilai output pengeluaran bagi tahun 2004 meningkat sebanyak 15.2% kepada RM103.7 juta daripada RM90.0 juta pada 2003. Walau bagaimanapun, tahap keuntungan

32.9 per cent in 2003 to 25.1 per cent, giving a profit before tax of RM26.0 million as opposed to RM29.6 million in the previous financial year.

As in previous years, we continued to generate revenue from contract manufacturing activities with established multinational companies. For 2004, the value of contract manufacturing output grew by 31 per cent, contributing to about 10 per cent of the total segment's revenue.

Our plants in Bangi and Bandar Seri Iskandar underwent facility upgrading and renovation to meet Good Manufacturing Practices (GMP) requirements as well as to enhance capacity. The third phase upgrading works in Bangi involving the Quality and R & D laboratories, and the office was completed during the year. The penicillin plant in Bandar Seri Iskandar went through major redesigning and reconstruction, and expected to be ready to resume commercial production by the second quarter of 2005. In total, we invested approximately RM13.1 million in plant upgrading work in 2004. Pursuant to the massive upgrading work in the Bandar Seri Iskandar plants, as well as the sudden surge in demand from the export market, Bangi plant had to provide additional manufacturing capacity that resulted in the implementation of a three-shift cycle in most production lines.



Compression of granules into tablets using the Novapress compression machine from United Kingdom.

Pemampatan granula menjadi tablet menggunakan mesin pemampatan Novapress dari United Kingdom.

menurun daripada 32.9% pada 2003 kepada 25.1% menghasilkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM26.0 juta berbanding RM29.6 juta pada tahun kewangan sebelumnya.

Seperti pada tahun-tahun lepas, kami terus menjana hasil daripada aktiviti pekilangan kontrak dengan syarikat-syarikat multinasional terkemuka. Bagi tahun 2004, nilai output pekilangan kontrak tumbuh sebanyak 31% menyumbangkan kira-kira 10% daripada hasil keseluruhan bahagian ini.

Kilang kami di Bangi dan Bandar Seri Iskandar sedang menjalani kerja menaiktaraf dan pengubahsuaian untuk memenuhi keperluan Amalan Pekilangan Baik (GMP) serta mempertingkatkan keupayaan. Fasa ketiga kerja menaiktaraf di Bangi melibatkan makmal Kualiti dan R&D dan pejabat telah disiapkan pada tahun ini. Kilang penicilin di Bandar Seri Iskandar yang menjalani rekabentuk dan pembinaan semula secara besar-besaran di kilang dijangka akan memulakan pengeluaran komersial menjelang suku kedua tahun 2005. Secara keseluruhannya, kami telah melaburkan sejumlah RM13.1 juta terhadap kerja menaiktaraf kilang pada tahun 2004. Selaras dengan kerja peningkatan besar-besaran Bandar Seri Iskandar ini dan juga lonjakan mengejut permintaan daripada pasaran eksport menyaksikan kilang di Bangi terpaksa menambah kapasiti pekilangan yang menyebabkan pelaksanaan pusingan kerja tiga syif dalam kebanyakan barisan pengeluaran.

The Group total production output of all plants is illustrated below:

a. General Pharmaceutical / Farmaseutikal Am

Dosage Form Bentuk Dosage	Unit Measure Ukuran Unit	2004	2003	% Change Perubahan
Tablet (plain/biasa)	Tablet	1,282,608,525	1,125,477,003	14.0
Tablet (coated/bersalut)	Tablet	553,545,632	366,030,288	51.2
Capsule/Kapsul	Capsule/Kapsul	136,496,601	101,075,929	35.0
Dry Syrup/Granul	Bottle/Botol	655,359	431,948	51.7
Liquid/Cecair	Litre/Liter	669,330	1,784,383	(62.4)
Cream/Krim	kg	85,098	102,321	(16.8)
ORS	Sachet	9,990,100	9,229,483	8.2

b. Penicillin

Dosage Form Bentuk Dosage	Unit Measure Ukuran Unit	2004	2003	% Change Perubahan
Tablet (plain/biasa)	Tablet	3,915,000	9,415,000	(58.4)
Tablet (coated/bersalut)	Tablet	3,676,200	24,980,900	(96.9)
Capsule/Kapsul	Capsule/Kapsul	57,560,000	73,614,000	(21.8)
Dry Syrup/Granul	Bottle/Botol	1,398,475	1,180,665	18.4

c. Cephalosporin

Dosage Form Bentuk Dosage	Unit Measure Ukuran Unit	2004	2003	% Change Perubahan
Capsule/Kapsul	Capsule/Kapsul	16,211,270	6,296,210	157.5
Dry Syrup/Granul	Bottle/Botol	432,230	118,263	265.5



Laboratory analyst preparing samples
for HPLC testing.
Penganalisis makmal menyediakan
sampel untuk ujian HPLC.



On 31 December 2004, we successfully obtained approval from the National Pharmaceutical Control Bureau (NPCB) for our sterile Cephalosporin manufacturing facility. We will now be in the position to embark on the manufacturing of sterile Cephalosporin products and antibiotics with commercial output targeted for the third quarter of 2005.

Construction of the Small Volume Injectable (“SVI”) manufacturing plant in Puchong began in July 2004 and commercial production is targeted for the first quarter of 2007. This plant will enhance our product range with yet another critical dosage form that can be offered for sale worldwide. It will also enable us to participate in the local SVI market worth approximately RM400 million per annum.

Our efforts to inculcate a culture of quality throughout our operations have borne fruit. The Bangi plant has once again attained ISO9001, ISO14001 and OHSAS18001 certification. Four of our staff in the manufacturing division successfully attained the lead assessor certification for ISO9001:2000, while our Senior Manager for Quality Management has been designated a Senior Member of the American Society for Quality, a recognition for her profound dedication to quality.

Future Direction

For the coming year, we will continue to focus on customer-centric manufacturing and the expansion of our manufacturing capacity. The sterile Cephalosporin production line will be fully utilised to capture the market share of the Cephalosporin antibiotics range, while the successful rationalisation of products between Bandar Seri Iskandar and Bangi plants will result in centres of excellence that will tap the synergies between the two plants to ensure improved efficiency, economies of scale and maximisation of resources. These initiatives will help position Pharmaniaga as a leading Malaysian supplier of innovative generics.

The Bangi plant will strive for USFDA product registration, so as to create a leading global market presence. This endeavour will be supported by the introduction of an onsite laboratory information management system (LIMS) and document management system, both aimed at ensuring quality products are delivered on time to customers.

Jumlah output pengeluaran semua kilang ditunjukkan seperti di sebelah:

Pada 31 Disember 2004, kami telah memperolehi kelulusan daripada Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) bagi kemudahan pekilangan Cephalosporin steril kami. Kini, kami bersedia untuk memulakan pengilangan produk Cephalosporin steril dan antibiotik dengan pengeluaran secara komersial disasar suku ketiga tahun 2005.

Pembinaan kilang pekilangan SVI di Puchong telah bermula pada bulan Julai 2004 dan pengeluaran komersial disasar pada suku pertama tahun 2007. Kilang ini akan meneguhkan barisan produk kami dengan satu lagi bentuk dosej penting yang boleh ditawarkan untuk jualan di seluruh dunia. Ia juga membolehkan kami untuk melibatkan diri dalam pasaran SVI tempatan yang bernilai RM400 juta setahun.

Usaha kami untuk memupuk budaya kualiti di seluruh operasi kami telah membuahkan hasil. Kilang di Bangi sekali lagi mengekalkan pensijilan ISO9001, ISO14001 dan OHSAS 18001. Empat orang kakitangan telah memperolehi pensijilan ketua penilai bagi ISO9001:2000, sementara Pengurus Kanan Pengurusan Kualiti kami telah dilantik sebagai Ahli Kanan American Society for Quality, pengiktirafan terhadap dedikasi beliau untuk mengekalkan kualiti.

Halatuju Masa Hadapan

Bagi tahun hadapan, bahagian Pekilangan Pharmaniaga akan meneruskan fokus pekilangan yang mengutamakan pelanggan dan pengembangan kapasiti pekilangan kami. Bahagian pengeluaran Cephalosporin steril akan digunakan sepenuhnya untuk menguasai sebahagian pasaran antibiotik Cephalosporin, sementara rasionalisasi produk antara kilang Bandar Seri Iskandar dan Bangi akan menghasilkan pusat-pusat kecemerlangan yang dapat memanfaatkan sinergi antara kedua-dua kilang bagi memastikan kecekapan, skel ekonomi, dan pemaksimuman sumber. Langkah rasionalisasi ini akan meletakkan Pharmaniaga sebagai pembekal produk generik inovatif yang utama.

Kilang Bangi akan berusaha untuk mendapatkan pendaftaran produk USFDA, bagi mencipta pembabitan unggul di pasaran global. Usaha ini akan disokong dengan pengenalan sistem pengurusan maklumat makmal (LIMS) dan sistem pengurusan dokumen, yang bermatlamat untuk memastikan produk yang berkualiti boleh disampaikan kepada para pelanggan pada masa yang tepat.

Marketing and Distribution

pemasaran dan pengedaran



2004 was a challenging but fruitful year for the Marketing and Distribution segment. The segment posted revenues of RM706.8 million in 2004, an 18.6 per cent increment over 2003's revenues of RM596.2 million, a commendable growth rate compared to the 10.4 per cent enjoyed in 2003.

Underlying the segment's strong growth in 2004 were tender contracts secured with the MOH for the supply of various pharmaceutical items worth almost RM50 million a year, and the strong support coming from the non-MOH institutions; the armed forces and teaching

2004 merupakan tahun yang mencabar tetapi cemerlang bagi bahagian Pemasaran dan Pengedaran. Bahagian ini mencatat hasil sebanyak RM706.8 juta pada tahun 2004, meningkat 18.6 peratus berbanding hasil yang dicapai pada tahun 2003 yang berjumlah RM596.2 juta. Peningkatan ini adalah lebih baik berbanding 10.4 peratus yang dinikmati pada tahun 2003.

Pertumbuhan teguh bahagian ini pada tahun 2004 didorong oleh kontrak-kontrak tender yang diperolehi dari Kementerian Kesihatan bagi bekalan pelbagai barangan farmaseutikal yang bernilai hampir RM50

hospitals. Sales to the armed forces and teaching hospitals alone had grown by 40 per cent as a result of more focused strategies and specific customer relationships programmes implemented during the year. Our institutional sales team, who is responsible for growing the non-concession government market, has been further strengthened with the appointment of new aggressive and highly motivated personnel during the year.

Combined sales to Government hospitals and institutions remained to be the major revenue contributor, bringing in approximately 88 per cent of total segment revenues. Concession sales which contributed to approximately 70 per cent of the segment's revenue or almost 62 per cent of the Group's 2004 revenue, increased by 8 per cent this year in line with the industry growth rate.

The distributorship business for principals such as B Braun, Ranbaxy and 3M brought in lower sales this year by 27 per cent over the previous year. Product streamlining and rationalisation by some of the principals were affecting sales in 2004.

The year 2004 also saw the segment achieving a robust growth in private sector sales of 24 per cent over 2003, attributable to the private hospital and general practitioners (GP) markets. The year's growth rate was much stronger than 2003's 5.4 per cent, evidencing the effectiveness of some of the promotional and re-branding activities carried out specifically for the private sector




juta setahun dan juga sokongan yang diperolehi daripada institusi bukan Kementerian Kesihatan; hospital tentera dan hospital latihan. Jualan kepada hospital tentera dan hospital latihan berkembang sebanyak 40 peratus hasil daripada strategi yang lebih fokus dan pelaksanaan program hubungan pelanggan yang khusus pada tahun ini. Pasukan jualan untuk pelanggan institusi yang bertanggungjawab terhadap pertumbuhan pasaran kerajaan bukan konsesi, telah diperkukuhkan lagi melalui kemasukan kakitangan baru yang agresif dan bermotivasi tinggi pada tahun ini.

Gabungan jualan kepada hospital kerajaan dan institusi kekal menjadi penyumbang hasil utama, membawa hampir 88 peratus daripada jumlah hasil segmen. Sejalan dengan kadar pertumbuhan dalam industri, jualan konsesi telah menyumbangkan hampir 70 peratus daripada hasil segmen ini atau hampir 62 peratus daripada hasil Kumpulan, meningkat sebanyak 8 peratus tahun ini.

Perniagaan pengedaran untuk prinsipal seperti B Braun, Ranbaxy dan 3M mencatat jualan yang lebih rendah pada tahun ini iaitu sebanyak 27 peratus berbanding tahun lepas. Pengemaskinian produk oleh beberapa prinsipal telah mempengaruhi jualan bagi tahun 2004.

Tahun 2004 menyaksikan segmen ini mencapai pertumbuhan teguh dalam jualan sektor swasta iaitu 24 peratus berbanding tahun 2003, didorong oleh pasaran hospital swasta dan pengamal perubatan am (GP). Pertumbuhan tahun ini adalah jauh lebih teguh daripada 5.4 peratus yang dicatat pada tahun 2003. Ini membuktikan keberkesanan beberapa aktiviti promosi dan penjenamaan

marketing & distribution
pemasaran dan pengedaran



Segmental Revenue For 3 Years
Perolehan Segmen Bagi 3 Tahun

customers since 2003. Branding activities in 2004 such as advertising, participation in events and one-on-one marketing, all helped raise awareness levels of Pharmaniaga's products, in particular the bio-equivalent (BE) products, among medical practitioners and private hospital doctors. Our entrance into the private sector market with emphasis on BE products is also timely as certain private hospitals and GP are starting to skew their preferences towards quality generic pharmaceutical products in view of the increasing cost of healthcare and the need to contain costs.

The private sector sales team also made inroads into the consumer healthcare segment of the market through the launch of Innoherb, the new range of herbal supplements imported from France, in the third quarter of 2004. Three prescription products, namely Itraconazole (anti-fungal), Clarithromycin granules (antibiotic) and Ticlopidine (anti-platelet), were also launched throughout 2004.

Export trading activities have also increased tremendously in 2004 compared to a year earlier. While we continue to fulfil demands from the markets where we are currently present, the main growth driver in 2004 has been the trading activities carried out in the Middle East. The Group secured a contract for supply of pharmaceutical items to the Middle East amounting to USD4.2 million during the year.

Analysis of sale of in-house manufactured products

The growth in the sales of in-house manufactured products to all customer segments both locally and internationally is to a large extent, a testimony of the success of our branding, marketing and customer relationship management activities, as well as how well we have been able to meet the demands of our customers. The analysis of the sales performance for in-house manufactured products by therapeutic groupings for the three years is illustrated on page 103.

semula yang dijalankan khusus untuk sektor pelanggan swasta sejak tahun 2003 lagi. Aktiviti penjenamaan pada tahun 2004 seperti pengiklanan, penyertaan dalam acara dan pemasaran secara bersemuka, semuanya telah membantu meninggikan tahap kesedaran di kalangan pengamal perubatan dan doktor hospital swasta terhadap produk Pharmaniaga, khususnya berhubung produk-produk kesetaraan bio (BE). Kemasukan kami ke dalam pasaran sektor swasta dengan memberi penekanan terhadap produk BE juga menepati masa kerana hospital swasta dan GP tertentu mula cenderung terhadap produk farmaseutikal generik yang berkualiti memandangkan kenaikan kos penjagaan kesihatan dan keperluan untuk membendung kos.

Pasukan jualan sektor swasta juga menembusi segmen pasaran penjagaan kesihatan pengguna melalui pelancaran Innoherb, makanan kesihatan tambahan baru herba yang diimport dari Perancis pada suku ketiga 2004. Selain itu, tiga produk preskripsi iaitu Itraconazole (anti-fungal), Clarithromycin Granules (antibiotik), dan Ticlopidine (anti-platelet) telah dilancarkan dalam tahun 2004.

Aktiviti perdagangan eksport juga melonjak dengan ketara pada tahun 2004 berbanding tahun sebelumnya. Walaupun kita terus memenuhi permintaan daripada pasaran yang sedia ada, namun pendorong utama pertumbuhan pada tahun 2004 adalah aktiviti perdagangan yang dijalankan di Timur Tengah. Kumpulan berjaya mendapatkan kontrak untuk membekalkan barangan farmaseutikal ke Timur Tengah bernilai USD4.2 juta pada tahun ini.

Analisis jualan produk yang dikilang oleh syarikat

Pertumbuhan jualan produk-produk yang dikilang oleh syarikat kepada semua segmen pelanggan sama ada di dalam negara atau antarabangsa membuktikan kejayaan aktiviti penjenamaan, pemasaran dan pengurusan perhubungan pelanggan serta mengukur tahap kemampuan kami untuk memenuhi keperluan para pelanggan kami. Analisis prestasi jualan produk yang dikilang oleh syarikat mengikut kumpulan terapeutik untuk tempoh tiga tahun ditunjukkan di bawah:

				% changes from prior year % perubahan berbanding tahun lepas	
				2004 vs/berbanding	2003 vs/berbanding
RM'000	2004	2003	2002	2003	2002
Antibiotic/Antibiotik	29,882	13,069	16,323	128.6	(19.9)
Cardiovascular & Hematopoietic/Kardiovaskular & Hematopoietik	27,691	38,055	31,595	(27.2)	20.4
Metabolism/Metabolisma	21,895	18,959	16,519	15.5	14.8
Neuro Muscular System/Sistem Saraf Otot	7,145	9,903	4,612	(27.9)	114.7
Respiratory System/Sistem Pernafasan	5,881	4,168	6,540	41.1	(36.3)
Dermatologicals/Ubat Kulit	4,578	1,087	2,717	321.2	(60.0)
Others/Lain-lain	2,977	1,850	1,193	60.9	55.1
Vitamins & Minerals/Vitamin & Mineral	2,961	2,391	2,809	23.8	(14.9)
Alimentary System/Sistem Penghadaman	2,685	5,265	3,200	(49.0)	64.5
Other Chemotherapeutics/Kemoterapeutik Lain	2,548	2,172	2,240	17.3	(3.0)
Total/Jumlah	108,243	96,919	87,748	11.7	10.5

The overall increase of 11.7 per cent is commendable relative to the average industry growth of 8 – 10 per cent. Of all the therapeutic groups, sale of antibiotics and dermatologicals had more than doubled in 2004, contributing to 32 per cent (15 per cent in 2003) of total in-house sales.

In addition to new products launched during the year such as Clarithromycin and Itraconazole, the acquisition of Safire in September 2003 contributed to the huge increase in sale of antibiotics. Safire is one of the major suppliers of penicillin products to the Ministry of Health. Cefuroxime, which recorded the highest sales to the government hospitals, contributed 21 per cent to the total sales of the antibiotics portfolio.

Similarly, Safire dermatological products, coupled with an aggressive and more focused marketing and selling strategy, have helped the performance of this therapeutic area. Methyl Salicylate and Hydrocortisone recorded the highest sales to the government hospitals, whilst Bethamethasone and Chlorhexidine recorded the highest sales to the private sector.

Bucking the trend however is the sales of cardiovascular and hematopoietic system group that decreased by 27 per cent, dropping it to second position after antibiotics in terms of percentage contribution to total sales. This therapeutic class has always been the largest sales contributor in the past.

Alimentary system sales also dropped by 49 per cent in comparison to 2003 mainly due to the drop in sales to the government sector by 58 per cent, although sales to private sector grew by 24 per cent.

Infrastructure Support

In line with the increased level of operations, we see a need for the support distribution infrastructure to also keep pace with business growth so as to ensure that operational efficiency is enhanced and customer service promises can be fulfilled. The construction of a new warehouse in Kuching commenced in the fourth quarter of 2004 with completion targeted for the second quarter of 2005. With a built-up area of approximately 30,000 sq. feet, the new warehouse-cum-office with a stand alone inflammable store will be able to cater

for growth in the government and private sector market over the next five to six years.

In addition to building new hard infrastructure, our logistics and distribution processes have once again been certified for compliance with the ISO 9001 standards. To further strengthen the quality and safety systems, ISO 14001 environmental management systems will be implemented by Pharmaniaga Logistics in 2005.

Going Forward

As a result of the Malaysian Government's continued drive towards cost containment in healthcare, the preference for quality locally manufactured products such as Pharmaniaga's is on the rise. Going forward Pharmaniaga will continue to focus on opportunities within the immense generic drugs market. We will undertake the following initiatives to make our presence felt:

- Greater penetration into the private hospitals and general healthcare segments (especially among GPs) through more intense promotional activities and launching of new products;
- Further strengthening of the Pharmaniaga brand via greater awareness of the Company and our BE products among medical professionals; and
- Preparation for marketing of Pharmaniaga's own SVI products.



Kenaikan keseluruhan sebanyak 11.7 peratus adalah amat baik jika berlandaskan dengan purata pertumbuhan industri iaitu sebanyak 8 – 10 peratus. Daripada semua kumpulan terapeutik, jualan antibiotik dan dermatologikal meningkat lebih sekali ganda pada tahun 2004, membolehkannya menyumbang 32 peratus (15 peratus dalam tahun 2003) daripada jualan produk yang dikeluarkan secara dalaman.

Di samping produk-produk baru yang dilancarkan pada tahun ini seperti Clarithromycin dan Itraconazole, pengambilalihan Safire pada bulan September 2003 menyumbang kepada peningkatan besar jualan antibiotik. Safire adalah salah satu pembekal utama produk penicillin kepada Kementerian Kesihatan. Cefuroxime, yang mencatatkan jualan tertinggi bagi antibiotik kepada hospital kerajaan, menyumbangkan 21 peratus daripada jumlah jualan portfolio antibiotik.

Produk dermatologi Safire beserta dengan usaha pemasaran yang lebih berfokus dan strategi penjualan yang tepat, juga telah membantu mempertingkatkan prestasi bidang terapeutik ini. Methyl Salicyla dan Hydrocortisone mencatatkan jualan tertinggi kepada hospital-hospital kerajaan, sementara Bethamethasone dan Chlorhexidine mencatatkan jualan tertinggi kepada sektor swasta.

Berlawanan dengan arah aliran tersebut adalah jualan kumpulan system kardiovaskular dan hematopoietik yang berkurangan sebanyak 27 peratus, menurunkan kedudukannya ke tempat kedua selepas antibiotik dari segi peratus sumbangan hasil kepada jualan keseluruhan. Sebelum ini, kelas terapeutik ini sentiasa menjadi penyumbang jualan terbesar.

Jualan sistem penghadaman juga merosot sebanyak 49 peratus berbanding tahun 2003 disebabkan terutamanya oleh kejatuhan sebanyak 58 peratus jualan kepada sektor kerajaan, walaupun jualan kepada sektor swasta berkembang pada kadar 24 peratus.

Sokongan Infrastruktur

Sejajar dengan peningkatan tahap operasi, kami menyedari keperluan untuk mempunyai sokongan infrastruktur pengedaran untuk mengikuti perkembangan pertumbuhan perniagaan bagi memastikan kecekapan operasi dipertingkatkan dan janji perkhidmatan pelanggan dapat dipenuhi.

Pembinaan sebuah gudang baru di Kuching telah bermula pada suku keempat 2004 dan dijangka siap pada suku kedua tahun 2005. Dengan kawasan binaan seluas 30,000 kaki persegi, gudang baru yang juga berupa pejabat ini akan mempunyai stor berasingan untuk barangan yang amat mudah terbakar untuk menyokong pembangunan pasaran sektor kerajaan dan swasta untuk tempoh lima hingga enam tahun akan datang.

Di samping membina infrastruktur baru, bahagian logistik dan proses pengedaran kami sekali lagi telah diberi pengiktirafan kerana mematuhi piawaian ISO 9001. Pharmaniaga Logistik akan melaksanakan piawaian alam sekitar ISO 14001 untuk mengukuhkan lagi sistem kualiti dan keselamatan yang telah dimiliki.

Melangkah Ke Hadapan

Hasil usaha berterusan Kerajaan Malaysia bagi membendung kenaikan kos kerana peningkatan kos penjagaan kesihatan, produk berkualiti yang dikeluarkan di dalam negeri seperti Pharmaniaga semakin menjadi pilihan. Masa depan yang terdekat akan menyaksikan Pharmaniaga terus memberi fokus terhadap peluang di dalam pasaran ubat-ubatan generik yang sangat luas. Kami akan melaksanakan inisiatif berikut untuk meneguhkan kehadiran kami:

- Menembusi ke segmen hospital swasta dan penjagaan kesihatan am (khususnya di kalangan GP) melalui aktiviti promosi agresif dan pelancaran produk-produk baru;
- Mengukuhkan lagi jenama Pharmaniaga melalui program kesedaran yang lebih berkesan tentang Syarikat dan produk BE kami di kalangan ahli perubatan profesional; dan
- Menyediakan pemasaran untuk produk SVI Pharmaniaga sendiri.

Overseas Operations

operasi luar negara




We achieved a significant milestone in 2004 in terms of broadening our marketing and distribution channel infrastructure in the overseas market. The acquisition of 55 per cent interest in PT Millennium Pharmacon International Tbk (MPI) in Indonesia was completed on 1 December 2004. The acquisition cost us IDR70 per share or IDR28.028 billion (approximately RM12.2 million). As at 31 March 2005, MPI shares were trading at IDR85 per share, immediately giving an appreciation of 21.42 per cent to the Company's investment.

Kami mencatat pencapaian penting pada tahun 2004 apabila berjaya memperluaskan saluran infrastruktur pemasaran dan pengedaran kami ke pasaran luar negeri. Pengambilalihan 55 peratus kepentingan dalam PT Millennium Pharmacon International Tbk (MPI) di Indonesia telah diselesaikan pada 1 Disember 2004. Pengambilalihan tersebut bernilai IDR70 sesaham atau IDR28,028 bilion (kira-kira RM12.2 juta). Pada 31 Mac 2005, saham MPI diniagakan pada IDR85 sesaham, memberi peningkatan nilai segera sebanyak 21.42 peratus kepada pelaburan Syarikat.

Listed on both the Jakarta and Surabaya Stock Exchanges, MPI is one of the leading distributors of pharmaceutical and healthcare related products for local and foreign principals in Indonesia. Some of MPI's major principals include Merck, Meiji Indonesia and Lapi Laboratories. MPI has a comprehensive nationwide distribution network comprising 24 branches with 677 employees as at 31 December 2004. The main warehouses are located in three cities; namely Jakarta, Bandung and Surabaya, all are located in Java Island.

MPI's Distribution Network/Jaringan Pengagihan MPI



MPI yang disenaraikan di kedua-dua Bursa Saham Jakarta dan Surabaya, merupakan syarikat yang menerajui aktiviti pengedaran produk farmaseutikal dan penjagaan kesihatan kepada prinsipal tempatan dan asing di Indonesia. Antara prinsipal utama MPI termasuk Merck, Meiji Indonesia and Lapi Laboratories. Pada 31 Disember 2004, MPI mempunyai rangkaian pengedaran di seluruh negara merangkumi 24 cawangan dengan kakitangan seramai 677 orang. Gudang utamanya terletak di tiga bandaraya iaitu Jakarta, Bandung dan Surabaya, yang kesemuanya terletak di Pulau Jawa.

overseas operations
operasi luar negara




Distribution personnel getting ready to deliver drugs to customers.
Kakitangan pengedaran bersiap sedia untuk penghantaran ubat kepada pelanggan.



MPI posted sales of about RM172 million for 2004, representing a growth of 38.90 per cent over that in 2003. However pre-tax profit grew by only 6.80 per cent due to one off losses in inventory as well as the loss provision for Banda Aceh Branch that was affected by the Tsunami tragedy in December 2004. Pre-tax profit for 2004 stood at RM2.7 million, whilst net profit was RM1.6 million.

The Indonesian pharmaceutical industry, estimated at RM9 billion, is expected to grow at 10 per cent to 12 per cent annually. MPI's total revenue for 2004 represents only about 2 per cent share of the total pharmaceutical market. With its current distribution network that spans the whole of Indonesia, MPI is positioned to benefit from the industry growth in Indonesia. 2005 will see MPI focusing on broadening its principal base, enhancing the quality of its services to both principals and customers, improving customer base and market coverage, as well as further enhancing its overall operational efficiency. Underlying the stated business strategies will be the implementation of appropriate people development programmes, as well as initiatives towards enhancing the risk assessment system, control environment and corporate governance.



Net Sales And Profit Before Tax For 2 Years
Jualan Bersih Dan Keuntungan Sebelum
Cukai Bagi 2 Tahun

Note: All values are converted at the exchange rate of RM408 = IDR1,000,000

MPI mencatatkan jualan kira-kira RM172 juta bagi 2004, meningkat 38.90 peratus berbanding tahun 2003. Walau bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai hanya bertambah 6.80 peratus disebabkan terutamanya oleh kerugian inventori tidak berulang dan kerugian peruntukan bagi cawangan Banda Aceh yang terjejas akibat bencana Tsunami pada Disember 2004. Keuntungan sebelum cukai bagi 2004 adalah RM2.7 juta, manakala keuntungan bersih berjumlah RM1.6 juta.

Industri farmaseutikal Indonesia yang dianggar berjumlah RM9 bilion dijangka tumbuh pada kadar 10% hingga 12% setiap tahun. Jumlah hasil MPI bagi tahun 2004 mewakili kira-kira 2 peratus daripada jumlah pasaran farmaseutikal di negara tersebut. Dengan memiliki rangkaian cawangan pengedaran di seluruh Indonesia, MPI berada pada kedudukan yang sesuai untuk memanfaatkan pertumbuhan industri ini di Indonesia. Tahun 2005 akan menyaksikan MPI memberi tumpuan terhadap usaha memperluaskan asas prinsipalnya, memperkukuhkan kualiti perkhidmatannya kepada syarikat prinsipal dan juga para pelanggan, mempertingkatkan asas pelanggan dan liputan pasaran, serta mengukuhkan lagi kecekapan operasi secara keseluruhan. Pelaksanaan program pembangunan sumber manusia, serta inisiatif ke arah memantapkan sistem penilaian risiko, persekitaran kawalan dan tadbir urus korporat akan menjadi asas strategi perniagaan pada tahun 2005.

*Stocktake exercise carried out by the storekeeper at Jakarta 2 Branch.
Pemeriksaan stok oleh penyelia stor di Cawangan Jakarta 2.*



Nota: Semua nilai-nilai ditukarkan pada kadar pertukaran RM408 = IDR1,000,000

DARE_{to}EXCEL

Berani untuk cemerlang





Research and Development

penyelidikan dan pembangunan



As part of Pharmaniaga's efforts to bring more focus, add more value and centralise the many research and development (R&D) activities already underway throughout the Group, Pharmaniaga Research Centre (Research Centre) was spun off from a department within Pharmaniaga Manufacturing into a separate company in 2004. The Research Centre moved into its new pilot plant and laboratories located within the Bangi site towards the end of 2004. The pilot plant complies with the current GMP and is fully equipped with laboratory-sized equipment that is similar in its workings to the actual production equipment but at a

Sebagai sebahagian daripada usaha Pharmaniaga untuk menjadi lebih fokus, menambah lebih nilai dan memusatkan pelbagai aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang sudah tersedia di seluruh Kumpulan, Pusat Penyelidikan Pharmaniaga (Pusat Penyelidikan) telah ditubuhkan sebagai sebuah syarikat berasingan pada tahun 2004. Pusat Penyelidikan telah berpindah ke kilang dan makmal perintis di tapak yang sama dengan kilang Bangi pada akhir tahun 2004. Kilang perintis ini mematuhi keperluan Amalan Pekilangan Yang Baik masa kini (cGMP) dan dilengkapi sepenuhnya dengan peralatan bersaiz makmal yang

reduced size. This will enable more successful commercial scale-ups of products and speedier product development, thus reducing time-to-market of new products.

While the Research Centre's primary focus now is the development and registration of new products for companies within the Group (including the Government, private and consumer healthcare markets both locally and internationally), it is also able to provide value added services such as improvements and re-engineering of existing formulations and manufacturing processes to both internal and external customers.

Keuntungan tidak direalisasi daripada urusniaga antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutunya dihapuskan setakat mana kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu tersebut; kerugian tidak direalisasi juga dihapuskan kecuali jika urusniaga menyediakan bukti bahawa kemerosotan nilai aset telah dipindahkan. Jika perlu, dalam menggunakan kaedah ekuiti ini, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan syarikat bersekutu bagi memastikan keseragaman dengan dasar-dasar perakaunan yang digunakan oleh Kumpulan.

3 POLISI-POLISI PENTING PERAKAUNAN (samb.)

(c) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai. Dasar perakaunan bagi pengiktirafan dan penentuan kerugian kemerosotan nilai adalah selaras dengan Nota 3(m). Tanah milik bebas tidak disusutnilai. Modal kerja dalam pelaksanaan tidak disusutnilai sehingga ia disiapkan dan sedia untuk kegunaan komersialnya. Kos sampingan bagi pembelian tanah dan bangunan telah dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset sehingga tarikh hartanah tersebut sedia untuk digunakan.

Susutnilai telah diperuntukan mengikut kaedah garisan lurus untuk menghapus kira anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan.

Kadar asas susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

Bangunan pegangan bebas	2%
Tanah pegangan pajak	ke atas tempoh pajakan selama 33-99 tahun
Bangunan pegangan pajak	2% – 5%
Kenderaan bermotor	20%
Loji dan mesin	10% – 20%
Perabot dan peralatan	10% – 20%
Ubahsuaian	10% – 20%
Peralatan	10% – 20%

Apabila hartanah, loji dan peralatan dijual, perbezaan antara kutipan penjualan bersih dan jumlah bawa dicajkan atau dikreditkan kepada penyata pendapatan.

(d) Nilai Muhibah

Nilai muhibah mewakili lebih daripada kos pengambilalihan anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu ke atas bahagian Kumpulan daripada nilai saksama aset bersih yang boleh dikenalpasti pada tarikh pengambilalihan.

Nilai muhibah yang dipermodalkan dilunaskan dengan kaedah garisan lurus ke atas jangka hayat kegunaan iaitu tidak melebihi 15 tahun. Para Pengarah menentukan anggaran hayat berguna muhibah berdasarkan kepada penilaiannya ke atas perniagaan terbabit pada masa pengambilalihan. Di mana terdapat tanda-tanda kewujudan pengurangan kekal dalam nilai, jumlah yang dibawa oleh nilai muhibah tersebut ditaksir dan diturun nilai ke jumlah yang boleh diperolehi. Dasar perakaunan bagi pengiktirafan dan penentuan kerugian kemerosotan nilai adalah selaras dengan Nota 3(m).

(e) Perbelanjaan pembangunan projek

Semua perbelanjaan berhubung dengan pembangunan industri farmaseutikal adalah dipermodalkan dan dilunaskan ke atas bilangan tahun di mana manfaat-manfaat dijangka dapat diperolehi daripada projek tersebut melainkan jika para Pengarah menganggap bahawa manfaat berterusan tidak akan terakru.

Di mana terdapat tanda-tanda kewujudan pengurangan kekal dalam nilai, jumlah yang dibawa oleh perbelanjaan pembangunan projek tersebut ditaksir dan diturun nilai ke jumlah yang boleh diperolehi. Dasar perakaunan bagi pengiktirafan dan penentuan kerugian kemerosotan nilai adalah selaras dengan Nota 3(m).

3 POLISI-POLISI PENTING PERAKAUNAN (samb.)

(f) Pelaburan

Pelaburan dalam anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu ditunjukkan pada kos. Peruntukan bagi penurunan nilai hanya dibuat apabila para Pengarah berpendapat wujud petunjuk kemerosotan nilai kekal.

Berhubung penjualan sesebuah pelaburan, perbezaan ataran kutipan penjualan bersih dan jumlah bawanya dicajkan/dikreditkan kepada penyata pendapatan.

(g) Inventori

Inventori dinilai pada mana yang lebih rendah antara kos dan nilai nyata bersih. Barangan siap dikos berasaskan kepada purata wajaran, sementara kerja dalam pelaksanaan dan bahan mentah dikos berasaskan kepada kaedah masuk dahulu keluar dahulu.

Kos meliputi kos sebenar bahan dan kos sampingan yang ditanggung untuk membawa inventori ke dalam stor. Bagi barangan siap diperbuat sendiri dan kerja dalam pelaksanaan, ia meliputi kos buruh dan overhead pengeluaran sewajarnya.

Untuk mendapatkan nilai nyata bersih, peruntukan telah diambilkira oleh para Pengarah bagi semua barangan yang rosak, usang dan lambat laris.

(h) Manfaat-manfaat pekerja

(i) *Manfaat-manfaat jangka pendek*

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial yang diberikan oleh para pekerja Kumpulan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh khidmat yang berkenaan. Ketidakhadiran terpampas berkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar, diiktiraf apabila khidmat yang diberikan oleh para pekerja di mana akan menambah kelayakan ketidakhadiran terpampas tidak berkumpul jangka pendeknya pada masa hadapan, seperti cuti sakit, diiktiraf apabila ketidakhadiran tersebut berlaku.

(ii) *Pelan caruman tertakrif*

Kewajipan terhadap caruman kepada pelan caruman tertakrif seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"), diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan pada waktu yang sama ianya diambilkira. Apabila caruman dibayar, Kumpulan tidak mempunyai obligasi pembayaran selanjutnya.

(iii) *Manfaat-manfaat pampasan ekuiti*

Skim Opsyen Saham Pekerja ("ESOS") membenarkan pekerja Kumpulan untuk memperoleh saham Syarikat. Tiada kos pampasan atau kos kewajipan diiktirafkan. Apabila opsyen dilaksanakan, ekuiti ditingkatkan dengan amaun hasil pelaksanaan yang diterima.

(i) Penghutang

Penghutang dibawa pada nilai boleh realisasi yang dijangka. Hutang yang diketahui dihapuskan apabila dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi sebarang hutang lapuk berdasarkan semakan ke atas semua jumlah tertunggak pada tarikh kunci kira-kira.

3 POLISI-POLISI PENTING PERAKAUNAN (samb.)

(j) Pemiutang

Pemiutang perdagangan dinyatakan pada kos bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima di mana pertimbangan pada nilai saksama bayaran akan dibayar pada masa depan.

(k) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dan baki bank, deposit mata dapat jangka pendek dan pelaburan kecairan tinggi yang boleh ditukar dengan mudah kepada jumlah tunai yang diketahui dan yang tertakluk kepada risiko perubahan tidak ketara dalam nilai.

(l) Modal saham

Dividen ke atas saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti setelah diisytiharkan dan diluluskan.

(m) Pengurangan kekal dalam nilai aset

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Kumpulan menyemak semula jumlah bawa asetnya untuk menentukan sama ada terdapat petunjuk kemerosotan nilai. Jika petunjuk sedemikian wujud, kemerosotan nilai ditentukan dengan membandingkan nilai bawa aset berkenaan dengan jumlah boleh dikutip semula. Jumlah boleh dikutip semula adalah yang lebih tinggi antara harga jualan bersih dan nilai kegunaan, di mana ia ditentukan dengan merujuk kepada aliran tunai masa hadapan yang didiskaun.

Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dengan segera sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan. Sebarang peningkatan selanjutnya dalam jumlah yang boleh dikutip semula diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(n) Kos-kos penyelidikan dan pembangunan

Kos penyelidikan dan pembangunan dicaj dalam tahun yang sama ia dibelanjakan. Kos-kos yang dibelanjakan atas pembangunan projek adalah diiktirafkan sebagai aset pembangunan di mana perbelanjaan demikian dijangka akan menjana manfaat ekonomi pada masa depan.

Kos-kos pembangunan yang pada mulanya diiktiraf sebagai belanja tidak diiktiraf sebagai aset pada tahun-tahun berikutnya.

Kos pembangunan yang dikapitalisasikan adalah dilunaskan atas dasar sistematik sepanjang jangkaan hayat gunanya.

Amaun bawaan kos penyelidikan dan pembangunan dikaji semula setiap tahun dan serta-merta diturun nilai kepada amaun boleh pulih jika terdapat tanda-tanda pengurangan. Dasar perakaunan bagi pengiktirafan dan penentuan kerugian pengurangan nilai adalah selaras dengan Nota 3(m).

3 POLISI-POLISI PENTING PERAKAUNAN (samb.)

(o) Cukai pendapatan

Cukai pendapatan ke atas untung rugi pada tahun terdiri daripada cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa ialah jangkaan amaun cukai pendapatan yang perlu dibayar bagi untung bercukai tahun berkenaan, dan dikira menggunakan kadar cukai yang digubal pada tarikh kunci kira-kira.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti, bagi perbezaan sementara pada tarikh kunci kira-kira di antara asas cukai aset dan liabiliti dengan amaun bawaannya dalam penyata kewangan. Pada asasnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara kena cukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua penolakan perbezaan sementara, kerugian cukai belum guna dan kredit cukai belum guna, jika terdapat kemungkinan bahawa untung kena cukai akan tersedia ke atas penolakan perbezaan sementara, kerugian cukai belum guna dan kredit cukai belum guna.

Cukai tertunda dihitung pada kadar cukai yang dijangka berkuatkuasa dalam tempoh aset direalisasikan atau liabiliti dijelaskan, berdasarkan kadar cukai yang digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh kunci kira-kira. Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata kewangan, kecuali apabila ia berpunca daripada urusan niaga yang diiktiraf terus ke ekuiti, cukai tertunda juga dicajkan atau dikreditkan terus ke ekuiti, atau apabila ia berpunca daripada gabungan perniagaan iaitu pengambilalihan, di dalam hal ini, cukai tertunda diambilkira dengan muhibah yang terhasil atau muhibah negatif.

Manfaat cukai tertunda diiktiraf setakat mana keuntungan bercukai tersebut mungkin akan tersedia ke atas di mana penolakan perbezaan sementara atau kerugian cukai yang belum digunakan boleh digunakan.

(p) Terjemahan matawang asing

(i) *Entiti asing*

Entiti asing Kumpulan adalah operasi yang bukan merupakan bahagian penting kepada operasi Syarikat. Penyata pendapatan entiti asing ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran purata untuk tempoh tersebut dan lembaran imbalan ditukar pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbalan. Perbezaan tukaran yang timbul daripada pertukaran semula pelaburan bersih dalam entiti asing dibawa kepada 'perbezaan pertukaran matawang' dalam ekuiti pemegang saham. Semasa entiti asing dijual, perbezaan pertukaran sedemikian diiktiraf di dalam penyata pendapatan sebagai sebahagian daripada keuntungan atau kerugian daripada penjualan.

(ii) *Urusniaga matawang asing*

Urusniaga dalam matawang asing pada permulaannya ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusan niaga. Pada setiap tarikh lembaran imbalan, matawang asing kewangan ditukar ke dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh tersebut. Perkara bukan kewangan dibawa pada kos sejarah ditukar menggunakan kadar masa lalu pada tarikh pengambilalihan dan perkara bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama ditukar menggunakan kadar pertukaran yang ada apabila nilai ditentukan.

Semua kadar perbezaan pertukaran diambilkira ke dalam penyata pendapatan.

3 POLISI-POLISI PENTING PERAKAUNAN (samb.)

(p) Terjemahan matawang asing (samb.)

(ii) *Terjemahan matawang asing (samb.)*

Kadar pertukaran utama bagi setiap unit matawang asing yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbangan yang digunakan adalah seperti berikut:

	2004 RM	2003 RM
Dolar AS	3.80	3.80
Dolar Euro	5.17	4.82
Dolar Singapura	2.32	2.35
Rupiah Indonesia	0.04	—
Pound Sterling	7.39	6.84

(q) Peruntukan bagi liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai kewajiban semasa hasil daripada peristiwa lepas dan kemungkinan pengaliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan kewajiban tersebut dan jumlah anggaran boleh dilaksanakan. Peruntukan disemak semula pada setiap tarikh lembaran imbangan dan dilaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa terbaik. Jika kesan nilai masa wang adalah penting, jumlah peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menjelaskan kewajiban tersebut.

(r) Pengiktirafan hasil

Hasil diiktiraf apabila manfaat ekonomi berkaitan dengan urusaniaga tersebut mungkin akan mengalir kepada perniagaan dan jumlah hasil boleh dikira dengan pasti.

Hasil berkaitan dengan jualan barangan diiktiraf apabila pemindahan risiko dan ganjaran pemilikan barangan ditolak jualan bersih cukai dan diskaun.

Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan pembahagian masa yang menggambarkan hasil berkesan ke atas aset berkenaan.

Pendapatan dividen daripada pelaburan dalam anak-anak syarikat diambilkira di dalam penyata pendapatan apabila hak untuk menerima pembayaran ditentukan dan tidak wujud sebarang keadaan tidak pasti yang ketara berhubung penerimaannya.

Jualan antara syarikat-syarikat dalam Kumpulan dikecualikan daripada hasil Kumpulan.

3 POLISI-POLISI PENTING PERAKAUNAN (samb.)

(s) Instrumen kewangan

Kaedah pengiktirafan tertentu diterima pakai bagi instrumen kewangan yang diiktiraf pada lembaran imbalan dinyatakan dalam penyata dasar berasingan yang berkaitan dengan setiap perkara.

Nilai saksama aset dan liabiliti kewangan dengan kematangan lebih dari satu tahun dianggar dengan diskaun aliran tunai kontrak masa hadapan pada kadar pasaran semasa yang tersedia untuk Syarikat bagi instrumen kewangan yang serupa.

Nilai saksama, ditolak sebarang anggaran pelarasan kredit, bagi aset dan liabiliti kewangan dengan kematangan kurang dari satu tahun dianggap hampir dengan nilai saksamanya.

4 HASIL

Hasil Syarikat mewakili dividen kasar yang telah diterima atau akan diterima daripada pelaburan.

Hasil Kumpulan mewakili nilai diinbois barangan dan perkhidmatan yang dibekalkan tolak barangan yang dikembalikan dan diskaun.

	Kumpulan		Syarikat	
	2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
Pendapatan dividen	—	—	26,110	9,510
Pendapatan pekilangan	10,121	7,713	—	—
Pendapatan perdagangan, pemasaran, pengedaran dan e-perkhidmatan	703,478	594,594	—	—
Pendapatan produk perubatan dan perkhidmatan	86,392	30,297	—	—
	799,991	632,604	26,110	9,510

5 KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI

Keuntungan sebelum cukai telah ditentukan selepas dicaj/(dikredit):

Imbuhan juruaudit

– berkanun

– semasa

– lebihan peruntukan pada tahun lepas

– lain-lain

Pelunasan perbelanjaan pembangunan projek

Pelunasan nilai muhibah

Susutnilai

Deposit dihapuskira

Yuran para Pengarah

Emolumen para Pengarah

Hartanah, loji dan peralatan dihapuskira

Kos pembiayaan

– perbelanjaan faedah daripada pinjaman berjangka

– perbelanjaan faedah daripada penerimaan jurubank

– caj ke atas jaminan bank dan surat kredit

Peruntukan bagi hutang ragu

Kemasukan semula peruntukan bagi hutang ragu

Hutang lapuk dihapuskira

Hutang lapuk dikembalikan

Peruntukan bagi inventori kurang laris dan usang

Inventori usang dihapuskira

Kemasukan semula peruntukan bagi inventori usang

Sewa premis

Sewa peralatan

Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan

Kerugian atas tukaran matawang asing

Kerugian/(keuntungan) dari pelupusan hartanah, loji dan peralatan

Pendapatan faedah

Cukai dikembalikan dihapuskira

Pendapatan sewa

Pendapatan dividen dari anak-anak syarikat tak disebut harga

Kos pekerja:

– gaji dan bonus

– pelan caruman bertakrif

– ganjaran lain kakitangan

	Kumpulan		Syarikat	
	2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
Imbuhan juruaudit				
– berkanun				
– semasa	119	121	14	12
– lebihan peruntukan pada tahun lepas	(9)	—	—	—
– lain-lain	382	77	—	—
Pelunasan perbelanjaan pembangunan projek	632	632	—	—
Pelunasan nilai muhibah	1,151	1,151	—	—
Susutnilai	17,320	14,704	—	—
Deposit dihapuskira	6	—	—	—
Yuran para Pengarah	258	258	258	258
Emolumen para Pengarah	644	610	101	111
Hartanah, loji dan peralatan dihapuskira	7	1	—	—
Kos pembiayaan				
– perbelanjaan faedah daripada pinjaman berjangka	374	474	—	—
– perbelanjaan faedah daripada penerimaan jurubank	1,550	2,181	—	—
– caj ke atas jaminan bank dan surat kredit	351	266	—	—
Peruntukan bagi hutang ragu	1,268	2,606	—	—
Kemasukan semula peruntukan bagi hutang ragu	(971)	—	—	—
Hutang lapuk dihapuskira	335	212	—	—
Hutang lapuk dikembalikan	(129)	—	—	—
Peruntukan bagi inventori kurang laris dan usang	2,233	—	—	—
Inventori usang dihapuskira	4,165	1,908	—	—
Kemasukan semula peruntukan bagi inventori usang	—	(195)	—	—
Sewa premis	146	528	—	—
Sewa peralatan	602	703	—	—
Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan	2,804	1,754	—	—
Kerugian atas tukaran matawang asing	54	33	—	—
Kerugian/(keuntungan) dari pelupusan hartanah, loji dan peralatan	15	(230)	—	—
Pendapatan faedah	(108)	(34)	—	—
Cukai dikembalikan dihapuskira	72	—	—	—
Pendapatan sewa	(343)	(44)	—	—
Pendapatan dividen dari anak-anak syarikat tak disebut harga	—	—	(26,110)	(9,510)
Kos pekerja:				
– gaji dan bonus	31,921	28,441	—	—
– pelan caruman bertakrif	3,986	3,337	—	—
– ganjaran lain kakitangan	9,871	7,205	—	—

5 KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (samb.)

Anggaran nilai kewangan ganjaran yang diberikan kepada para Pengarah Kumpulan dalam tahun kewangan berjumlah sebanyak RM65,456 (2003: RM57,431).

Bilangan kakitangan Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan ini masing-masing adalah 1,863 dan Tiada (2003: 1,181 dan Tiada).

6 CUKAI

	Kumpulan		Syarikat	
	2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
Cukai semasa	19,122	17,330	—	—
Kurangan peruntukan pada tahun lepas	309	1,955	—	—
Cukai tertunda (Nota 24)	(726)	86	—	—
	18,705	19,371	—	—

Peruntukan bagi cukai tahun semasa untuk Kumpulan dibuat dengan menggunakan kadar cukai berkanun ke atas pendapatan yang dikenakan cukai bagi syarikat-syarikat berkenaan.

Syarikat mempunyai baki akaun dikecualikan cukai yang mencukupi untuk mengisytiharkan seluruh keuntungan tersimpannya sebagai dividen dikecualikan cukai.

Walau bagaimanapun, jumlah di atas adalah tertakluk kepada kelulusan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Kerugian perniagaan tidak diguna dan elaun modal tidak diserap Kumpulan yang boleh dibawa ke hadapan untuk ditolak dengan keuntungan bercukai masa depan masing-masing berjumlah lebih kurang RM6,107,000 (2003: RM25,320,000) dan RM4,271,000 (2003: RM7,534,000) .

6 CUKAI (samb.)

Penyelarasan antara belanja cukai berkanun dan efektif adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
Keuntungan sebelum cukai	81,778	66,841	25,549	8,842
Kadar cukai pendapatan sebanyak 28%	22,898	18,715	7,154	2,476
Kesan cukai bagi:				
Perbelanjaan tidak dibenarkan	1,574	2,602	157	185
Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(559)	(2,473)	(7,311)	(2,661)
Kesan kadar cukai yang berbeza	3	—	—	—
Penggunaan elaun pelaburan semula tahun semasa	(938)	(884)	—	—
Kurangan peruntukan pada tahun lepas	309	1,955	—	—
Lebihan peruntukan cukai tertunda pada tahun lepas	—	(348)	—	—
Penggunaan aset cukai tertunda sebelumnya belum diiktiraf	(4,582)	(1,030)	—	—
Aset cukai tertunda yang tidak diambilkira dalam penyata kewangan	—	834	—	—
	18,705	19,371	—	—

7 PENDAPATAN SETIAP SAHAM

(a) Pendapatan asas setiap saham

Perolehan asas bagi setiap saham Kumpulan berdasarkan untung bersih yang boleh diagih kepada pemegang saham berjumlah RM50,835,000 (2003: RM40,756,000) dan purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan pada tahun kewangan, iaitu sebanyak RM101,297,000 (2003: RM100,129,000).

	2004	2003
Untung bersih yang boleh diagih kepada pemegang saham (RM'000)	50,835	40,756
Purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan ('000)	101,297	100,129
Perolehan asas sesaham (sen)	50.18	40.70

7 PENDAPATAN SETIAP SAHAM (samb.)

(b) Perolehan tercair sesaham

Perolehan tercair sesaham berdasarkan untung bersih yang boleh diagih kepada pemegang saham, iaitu berjumlah RM50,835,000 (2003: RM40,756,000) dan purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan, yang dilaraskan untuk mengandaikan pertukaran semua saham biasa berpotensi cair, yang berpunca daripada opsyen yang diberikan di bawah ESOS kepada pekerja, iaitu sebanyak 109,213,000 (2003: 101,609,000) dan dikira seperti berikut:

	2004	2003
Purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan ('000)	101,297	100,129
Dilaraskan bagi:		
Opsyen saham di bawah ESOS ('000)	7,916	1,480
Purata wajaran bilangan saham biasa bagi perolehan tercair sesaham ('000)	109,213	101,609
Perolehan tercair sesaham (sen)	46.55	40.11

Bagi opsyen saham yang diberikan kepada pekerja, penghitungan dilakukan untuk menentukan bilangan saham yang boleh diperolehi pada harga pasaran (ditentukan berdasarkan purata tahunan harga saham Syarikat) berdasarkan nilai kewangan hak langganan yang terkait dengan opsyen saham belum laksana. Penghitungan ini digunakan untuk menentukan saham “belum beli” yang perlu ditambahkan kepada purata wajaran bilangan saham biasa di pasaran untuk tujuan pengiraan perolehan tercair sesaham. Pelarasan tidak dibuat pada untung bersih yang boleh diagih kepada pemegang saham bagi pengiraan perolehan tercair sesaham.

8 DIVIDEN

Dividen pertengahan dikecuali cukai sebanyak 4.5 sen (2003: 3.5 sen) setiap saham berjumlah RM4,572,000 (2003: RM3,506,000) telah diisytiharkan dan dibayar di dalam tahun kewangan.

Pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang, dividen terakhir dikecuali cukai berhubung tahun berakhir 31 Disember 2004 sebanyak 10.5 sen (2003: 8.5 sen) setiap saham berjumlah kira-kira RM10,702,000 (2003: RM8,591,000) akan dicadangkan untuk kelulusan oleh para pemegang saham. Penyata Kewangan bagi tahun kewangan semasa tidak menunjukkan dividen akhir dicadangkan. Ini akan diambilkira dalam ekuiti pemegang saham sebagai pembahagian pendapatan tersimpan pada tahun berakhir 31 Disember 2005.

9 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kumpulan	Tanah dan bangunan RM'000	Perabot, alat kelengkapan, ubahsuaian, dan peralatan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Loji dan mesin RM'000	Kerja modal dalam progres RM'000	Jumlah RM'000
<u>Pada 31 Disember 2004</u>						
Kos	162,596	79,823	9,164	49,782	17,731	319,096
Susutnilai terkumpul	(22,795)	(46,139)	(7,316)	(29,063)	—	(105,313)
Nilai buku bersih	139,801	33,684	1,848	20,719	17,731	213,783
<u>Pada 31 Disember 2003</u>						
Kos	156,678	62,506	4,499	47,544	1,486	272,713
Susutnilai terkumpul	(18,907)	(33,752)	(3,195)	(25,368)	—	(81,222)
Nilai buku bersih	137,771	28,754	1,304	22,176	1,486	191,491
<u>Perubahan dalam nilai buku bersih</u>						
Pada 1 Januari 2004	137,771	28,754	1,304	22,176	1,486	191,491
Penambahan melalui pengambilalihan anak syarikat	2,048	551	731	—	—	3,330
Tambahan	3,714	13,794	312	2,258	16,245	36,321
Pelupusan	—	(12)	(20)	—	—	(32)
Dihapuskira	—	(7)	—	—	—	(7)
Caj susutnilai	(3,732)	(9,396)	(477)	(3,715)	—	(17,320)
Pada 31 Disember 2004	139,801	33,684	1,848	20,719	17,731	213,783

nota-nota kepada penyata kewangan – 31 Disember 2004 (samb.)

9 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)

	Tanah pegangan bebas RM'000	Bangunan pegangan bebas RM'000	Tanah dan bangunan pegangan pajak jangka panjang RM'000	Tanah dan bangunan pegangan pajak jangka pendek RM'000	Jumlah RM'000
<u>Analisa tanah dan bangunan</u>					
<u>Pada 31 Disember 2004</u>					
Kos	40,044	55,217	46,334	21,001	162,596
Susutnilai terkumpul	—	(5,754)	(13,854)	(3,187)	(22,795)
Nilai buku bersih	40,044	49,463	32,480	17,814	139,801
<u>Pada 31 Disember 2003</u>					
Kos	38,875	51,695	45,107	21,001	156,678
Susutnilai terkumpul	—	(4,705)	(11,572)	(2,630)	(18,907)
Nilai buku bersih	38,875	46,990	33,535	18,371	137,771
<u>Perubahan dalam nilai buku bersih</u>					
Pada 1 Januari 2004	38,875	46,990	33,535	18,371	137,771
Penambahan melalui pengambilalihan anak syarikat	1,169	879	—	—	2,048
Tambahan	—	2,487	1,227	—	3,714
Caj susutnilai	—	(893)	(2,282)	(557)	(3,732)
Pada 31 Disember 2004	40,044	49,463	32,480	17,814	139,801

9 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)

	Perabot dan alat kelengkapan RM'000	Ubahsuaian RM'000	Peralatan RM'000	Jumlah RM'000
<u>Analisa perabot, alat kelengkapan, ubahsuaian dan peralatan</u>				
<u>Pada 31 Disember 2004</u>				
Kos	18,133	11,580	50,110	79,823
Susutnilai terkumpul	(12,922)	(8,127)	(25,090)	(46,139)
Nilai buku bersih	5,211	3,453	25,020	33,684
<u>Pada 31 Disember 2003</u>				
Kos	17,702	7,934	36,870	62,506
Susutnilai terkumpul	(11,143)	(4,723)	(17,886)	(33,752)
Nilai buku bersih	6,559	3,211	18,984	28,754
<u>Perubahan dalam nilai buku bersih</u>				
Pada 1 Januari 2004	6,559	3,211	18,984	28,754
Penambahan melalui pengambilalihan anak syarikat	—	367	184	551
Tambahan	459	757	12,578	13,794
Pelupusan	—	—	(12)	(12)
Dihapuskira	(3)	—	(4)	(7)
Caj susutnilai	(1,804)	(882)	(6,710)	(9,396)
Pada 31 Disember 2004	5,211	3,453	25,020	33,684

Tanah dan bangunan Kumpulan meliputi hartanah bernilai RM341,136 (2003: RM341,136) di mana hak milik masih menunggu masa untuk dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Hartanah tertentu, loji dan peralatan sebuah anak syarikat telah disandarkan sebagai cagar untuk pinjaman seperti yang diterangkan dalam Nota 21.

Di dalam tahun kewangan, kumpulan membeli hartanah, loji dan peralatan dengan kos agregat sebanyak RM36,321,000 (2003: RM24,163,000). Bayaran tunai sebanyak RM14,568,000 (2003: RM23,176,000) dibuat berhubung dengan aset. Bahagian yang belum dibayar telah diakrukan sebagai liabiliti di bawah pemiutang lain.

10 PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT

	Syarikat	
	2004 RM'000	2003 RM'000
Saham tak disebutbarga, pada kos	112,518	99,018

Butir-butir mengenai anak-anak syarikat dinyatakan berikut:

Nama syarikat	Negara diperbadankan	Kepentingan ekuiti efektif		Kegiatan Utama
		2004 %	2003 %	
Anak-anak syarikat				
Pharmaniaga Manufacturing Berhad	Malaysia	100	100	Pekilangan dan penjualan produk farmaseutikal
Pharmaniaga LifeScience Sdn. Bhd. (dahulu dikenali sebagai Strand Pharmaceuticals (Malaysia) Sdn. Bhd.)	Malaysia	100	100	Pekilangan dan penjualan produk farmaseutikal
Pharmaniaga Logistics Sdn. Bhd.	Malaysia	70	70	Pembelian, penyimpanan dan pengagihan produk farmaseutikal dan perubatan kepada hospital kerajaan dan institusi swasta
Pharmaniaga Solutions Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	Penyediaan perkhidmatan penyelesaian teknologi maklumat dan sokongan sistem
Pharmaniaga Marketing Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	Perdagangan dan pemasaran bagi produk dan perubatan farmaseutikal
Pharmaniaga Research Centre Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	Menjalankan penyelidikan ke atas produk farmaseutikal generik
Pharmaniaga Diagnostics Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	Perdagangan produk diagnostik klinikal

10 PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (samb.)

Nama syarikat	Negara diperbadankan	Kepentingan ekuiti efektif		Kegiatan Utama
		2004 %	2003 %	
Anak-anak syarikat (samb.)				
Insurgress Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	Dorman
Safire Pharmaceuticals (M) Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	Pekilangan dan penjualan produk farmaseutikal
Esteem Interpoint Sdn. Bhd.	Malaysia	100	—	Pegangan pelaburan
Anak syarikat Pharmaniaga Manufacturing Berhad				
Pharmaniaga Trading (M) Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	Operasi diberhentikan sementara
Anak-anak syarikat Pharmaniaga Logistics Sdn. Bhd.				
Pharmaniaga Medisystem Sdn. Bhd.	Malaysia	70	70	Operasi diberhentikan sementara
Pharmaniaga Biomedical Sdn. Bhd.	Malaysia	70	70	Pembekalan dan pemasangan peralatan perubatan dan hospital
Anak syarikat Esteem Interpoint Sdn. Bhd.				
PT Millennium Pharmacon International Tbk*	Indonesia	55	—	Pengedaran dan perdagangan produk farmaseutikal, makanan tambahan dan produk diagnostik

* Tidak diaudit oleh PricewaterhouseCoopers, Malaysia atau firma gabungannya.

11 PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	Kumpulan		Syarikat	
	2004	2003	2004	2003
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Saham tak disebutbarga, pada kos	144	1,344	2,629	1,219
Diwakili oleh:				
Pada kos pada awal tahun	1,344	1,344		
Tambahan saham yang dibeli	1,410	—		
Bahagian Kumpulan daripada kerugian selepas pengambilalihan	(2,610)	(471)		
	144	873		

Bahagian kerugian dalam syarikat bersekutu tidak diambilkira pada tahun lepas kerana syarikat-syarikat bersekutu tidak aktif atau hanya memulakan perniagaan pada tahun ini. Para Pengarah berpendapat bahawa perakaunan ekuiti tidak perlu dibuat kerana hasil keputusan syarikat-syarikat bersekutu ini tidak ketara kepada kedudukan kewangan keseluruhan Kumpulan. Kesan proforma jika kerugian diambilkira pada tahun lepas ditunjukkan di atas.

Maklumat terperinci syarikat-syarikat bersekutu ini adalah seperti berikut:

Nama syarikat	Negara diperbadankan	Kepentingan ekuiti efektif		Kegiatan Utama
		2004	2003	
		%	%	
Syarikat-syarikat bersekutu				
Pharmacare Asia Holdings (Cayman) Limited*	Cayman Island	49	49	Pemegangan pelaburan
Amcare Labs Malaysia Sdn Bhd	Malaysia	40	30	Perkhidmatan ujian makmal rujukan
Syarikat bersekutu Pharmedia				
Logistics Sdn Bhd				
Rumpun Lagenda Sdn Bhd*	Malaysia	35	35	Tidak aktif

* Tidak diaudit oleh PricewaterhouseCoopers, Malaysia atau firma gabungannya.

12 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PROJEK

	Kumpulan	
	2004	2003
	RM'000	RM'000
Pada kos	9,371	9,371
Tolak: Pelunasan terkumpul	(6,104)	(5,472)
	3,267	3,899

Perbelanjaan pembangunan projek akan dilunaskan sepanjang tempoh konsesi 15 tahun berpandukan kepada manfaat ekonomi yang berkait dengan projek masing-masing.

13 NILAI MUHIBAH

	Kumpulan	
	2004	2003
	RM'000	RM'000
Pada permulaan tahun	14,956	16,107
Yang timbul daripada pengambilalihan anak syarikat	2,790	—
Tolak: Amaun dilupuskan	(1,151)	(1,151)
Pada akhir tahun	16,595	14,956

nota-nota kepada penyata kewangan – 31 Disember 2004 (samb.)

14 INVENTORI

	Kumpulan	
	2004	2003
	RM'000	RM'000
Pada kos:		
Bahan mentah	13,987	14,169
Bahan pembungkusan	3,063	2,164
Kerja dalam perlaksanaan	6,821	2,487
Barangan siap	102,223	90,355
	126,094	109,175
Pada nilai nyata bersih:		
Barangan Siap	2,294	—
	128,388	109,175

Inventori tertentu sebuah anak syarikat telah disandarkan sebagai kolateral bagi pinjaman seperti yang diterangkan dalam Nota 21.

15 PENGHUTANG PERDAGANGAN

	Kumpulan	
	2004	2003
	RM'000	RM'000
Penghutang perdagangan	204,825	203,929
Tolak: Peruntukan bagi hutang ragu	(9,482)	(9,922)
	195,343	194,007

Terma kredit penghutang perdagangan adalah di antara 30 hari hingga 120 hari.

Penghutang perdagangan tertentu sebuah anak syarikat telah disandarkan sebagai kolateral bagi pinjaman seperti yang diterangkan dalam Nota 21.

16 LAIN-LAIN PENGHUTANG

	Kumpulan		Syarikat	
	2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
Lain-lain penghutang	16,320	5,369	7,799	88
Tolak: Peruntukan bagi hutang ragu	(1,015)	(613)	—	—
	15,305	4,756	7,799	88

17 JUMLAH TERHUTANG DARIPADA/KEPADA ANAK-ANAK SYARIKAT

Amaun terhutang daripada/kepada anak-anak syarikat adalah tidak bercagar, tanpa tanggungan faedah dan tiada tempoh bayaran semula yang tetap.

18 JUMLAH TERHUTANG DARIPADA SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

Jumlah yang dihutang oleh syarikat bersekutu adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tiada tempoh bayaran semula yang tetap.

19 DEPOSIT TETAP

Deposit tetap anak-anak syarikat berjumlah RM251,472 (2003: RM251,472) dan RM1,923,249 (2003: Tiada) telah dicagarkan kepada sebuah bank berlesen untuk mendapatkan kemudahan kredit yang diberikan kepada syarikat bersekutu dan sebagai kolateral bagi jaminan yang diberi kepada prinsipal.

Di dalam tahun kewangan, deposit tetap memberikan faedah pada kadar di antara 2.4% hingga 8.0% (2003: 3.8% hingga 4.0%).

20 PEMIUTANG PERDAGANGAN

Terma kredit pemiutang perdagangan yang diberikan kepada Kumpulan adalah di antara 30 hari hingga 150 hari (2003: 60 hari hingga 90 hari).

21 PINJAMAN

	Kumpulan	
	2004	2003
	RM'000	RM'000
Pinjaman tidak bercagar	28,736	81,382
Pinjaman bercagar	9,461	—
	38,197	81,382
<u>Perlu dibayar dalam masa 12 bulan</u>		
Tidak bercagar:		
– Penerimaan jurubank	28,736	60,828
– Pinjaman berjangka	—	3,111
– Kredit berpusing	—	12,000
	28,736	75,939
Bercagar:		
– Pinjaman berjangka	9,461	—
	9,461	—
	38,197	75,939
<u>Perlu dibayar dalam masa 12 bulan</u>		
Tidak bercagar:		
– Pinjaman berjangka	—	5,443
	—	5,443
	38,197	81,382
Tempoh-tempoh dalam mana pinjaman berjangka perlu dibayar balik adalah seperti berikut:		
Di dalam satu tahun	9,461	3,111
Selepas satu tahun tetapi tidak melebihi lima tahun	—	5,443
	9,461	8,554

Pinjaman tidak bercagar membawa faedah pada kadar antara 2.99% hingga 7.15% (2003: 2.99% hingga 7.15%) setahun.

Pinjaman berjangka bercagar adalah berhubung pinjaman anak syarikat yang diambilalih pada tahun ini. Pinjaman berjangka dicagarkan kepada hartanah, loji dan peralatan tertentu, inventori dan penghutang perdagangan anak syarikat. Kadar faedah bagi pinjaman berjangka adalah dari 13% hingga 21%.

22 MODAL SAHAM

	Kumpulan dan Syarikat	
	2004	2003
	RM'000	RM'000
Dibenarkan:		
300,000,000 saham biasa bernilai RM1 setiap saham	300,000	300,000
Diterbitkan dan berbayar penuh:		
Saham biasa bernilai RM1 setiap saham		
Pada permulaan tahun	100,576	100,000
Terbitan saham di bawah ESOS	1,351	576
Pada akhir tahun	101,927	100,576

Berikut adalah ciri-ciri utama ESOS:

- Para pekerja dan Pengarah Eksekutif yang layak di Syarikat dan anak-anak syarikatnya boleh melanggan saham biasa baru Syarikat bernilai RM1 sesaham di bawah ESOS. Bilangan opsyen yang diberikan bergantung pada peringkat jawatan dan tempoh perkhidmatan masing-masing seperti yang dinyatakan dalam Undang-undang Kecil ESOS.
- Opsyen yang diberikan di bawah ESOS akan luput pada 3 Julai 2008. Apa-apa lanjutan tempoh ESOS hendaklah diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan dan juga oleh pemegang saham Syarikat di mesyuarat agung. Di mesyuarat agung, Syarikat boleh menamatkan ESOS sebelum tarikh luput.
- Jumlah bilangan saham yang ditawarkan di bawah ESOS secara agregat hendaklah tidak melebihi 10% daripada jumlah modal saham Syarikat yang diterbitkan dan berbayar pada bila-bila masa dalam tempoh skim.
- Harga opsyen di bawah ESOS berdasarkan purata wajaran harga saham di pasaran seperti yang ditunjukkan dalam senarai rasmi harian yang dikeluarkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad bagi lima (5) Hari Pasaran sejurus sebelum tarikh tawaran, tertakluk kepada diskaun yang tidak melebihi sepuluh peratus (10%) mengikut budi bicara jawatankuasa ESOS, atau pada nilai tara saham, yang mana lebih tinggi.
- Saham biasa yang baru diterbitkan ini bertaraf pari passu dengan saham biasa syarikat yang sedia ada.

22 MODAL SAHAM (samb.)

Setakat 31 Disember 2004, butir-butir opsyen belum laksana yang diberikan di bawah ESOS adalah seperti berikut:

Tarikh Tawaran	Harga Opsyen RM	Bilangan opsyen saham biasa bernilai RM1 setiap satu Baki pada			
		1.1.2004	Diperuntukkan	Dilaksanakan	Baki pada 31.12.2004
4 Julai 2003	4.06	4,841,900	—	(1,344,600)	3,497,300
21 Mei 2004	4.64	—	815,750	(6,400)	809,350
1 November 2004	4.69	—	1,227,500	—	1,227,500

Butir-butir opsyen saham yang dilaksana sepanjang tahun kewangan:

Tarikh luput	3 Julai 2008
Harga opsyen sesaham biasa (RM)	4.06
Hasil agregat jika saham diterbitkan (RM'000)	5,459
Nilai saksama pada tarikh penerbitan (RM'000)	6,185

Butir-butir opsyen saham yang dilaksanakan pada sepanjang tahun kewangan:

Tarikh luput	3 Julai 2008
Harga opsyen sesaham biasa (RM)	4.64
Hasil agregat jika saham diterbitkan (RM'000)	3,785

Butir-butir opsyen saham yang dilaksanakan pada sepanjang tahun kewangan:

Tarikh luput	3 Julai 2008
Harga opsyen sesaham biasa (RM)	4.64
Hasil agregat jika saham diterbitkan (RM'000)	30
Nilai saksama pada tarikh penerbitan (RM'000)	34

Butir-butir opsyen saham yang dilaksanakan pada sepanjang tahun:

Tarikh luput	3 Julai 2008
Harga opsyen sesaham biasa (RM)	4.69
Hasil agregat jika saham diterbitkan (RM'000)	5,757

Kumpulan dan Syarikat menerima hasil RM5,489,000 bagi 1,351,000 opsyen yang dilaksanakan pada sepanjang tahun. RM1,351,000 dikreditkan ke modal saham dan RM4,138,000 dikreditkan ke akaun premium saham.

23 RIZAB

	Kumpulan		Syarikat	
	2004	2003	2004	2003
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Tidak boleh diagih:				
Premium saham	5,902	1,764	5,902	1,764
Rizab atas penyatuan	32,462	32,462	—	—
Boleh diagih:				
Keuntungan tersimpan	144,553	106,881	12,597	211
Jumlah rizab	182,917	141,107	18,499	1,975

24 CUKAI TERTUNDA

	Kumpulan	
	2004	2003
	RM'000	RM'000
Pada permulaan tahun	2,286	2,200
Pindahan daripada penyata pendapatan (Nota 6)	(726)	86
Pada akhir tahun	1,560	2,286

nota-nota kepada penyata kewangan – 31 Disember 2004 (samb.)

24 CUKAI TERTUNDA (samb.)

Komponen dan perubahan liabiliti cukai tertunda pada tahun kewangan ini adalah seperti berikut:

	Kumpulan dan Syarikat	
	2004	2003
	RM'000	RM'000
Aset cukai tertunda	1,444	45
Liabiliti cukai tertunda	(3,004)	(2,331)
	(1,560)	(2,286)
Pada awal tahun kewangan (Dicajkan)/dikreditkan kepada penyata pendapatan	(2,286)	(2,200)
– hartanah, loji dan peralatan	(1,178)	(103)
– elaun	1,945	—
– peruntukan	(41)	17
	726	(86)
	(1,560)	(2,286)
Aset cukai tertunda		
– hartanah, loji dan peralatan	1,945	—
– peruntukan	—	17
– ofset	(501)	—
	1,444	17
Liabiliti cukai tertunda		
– hartanah, loji dan peralatan	(2,963)	(2,331)
– peruntukan	(41)	—
	(3,004)	(2,331)

24 CUKAI TERTUNDA (samb.)

Berikut adalah anggaran amaun cukai tertunda yang dihitung pada kadar cukai semasa, yang belum diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan pada 31 Disember 2004:

	Kumpulan	
	2004	2003
	RM'000	RM'000
Perbezaan sementara boleh ditolak	46	1,050
Peruntukan modal tidak digunakan	1,196	1,987
Kerugian perniagaan tidak diserap	1,710	6,336

Walau bagaimanapun, kerugian tidak diserap tertakluk kepada kelulusan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Potensi aset cukai tertunda Kumpulan tidak diiktiraf berhubung perkara-perkara ini kerana ia tidak boleh digunakan untuk ofset untung dikenakan cukai anak-anak syarikat Kumpulan yang lain dan tidak mungkin untung dikenakan cukai akan tersedia di mana penolakan perbezaan sementara boleh digunakan.

25 KOMITMEN MODAL

Perbelanjaan modal berhubung dengan yang berikut tidak diperuntukkan dalam penyata kewangan:

	Kumpulan	
	2004	2003
	RM'000	RM'000
Dibenarkan dan dikontrakkan	127,014	1,465
Dibenarkan tetapi tidak dikontrakkan	40,067	11,068

26 URUSNIAGA PIHAK BERKAITAN YANG PENTING

Urusniaga pihak berkaitan yang penting pada tahun kewangan ini adalah seperti berikut:

Nama syarikat	Hubungan	Bentuk urusniaga	Kumpulan	
			2004 RM'000	2003 RM'000
United Engineers (Malaysia) Berhad	Pemegang saham utama	Hasil daripada bekalan peralatan perubatan	45,744	26,286
		Pembinaan dan kerja kejuruteraan	8,284	—
Projek Penyelenggaraan Lebuhraya Berhad	Anak Syarikat pemegang saham utama	Penyelenggaraan dan penjagaan perbelanjaan perkhidmatan bangunan	—	169
Gapima Sdn Bhd	Syarikat bersekutu pemegang saham utama	Pengangkutan dan perbelanjaan penghantaran barangan	1,518	1,518
UEM Group Management Sdn Bhd	Anak syarikat pemegang saham utama	Latihan dan perbelanjaan pengurusan	150	353
Pahang Pharmacy Sdn Bhd	Syarikat bersekutu pemegang saham utama	Kontrak pembekalan produk farmaseutikal	4,924	4,874
Faber Medi-Serve Sdn Bhd	Syarikat bersekutu pemegang saham utama	Penjualan rangkaian produk pembasmian kuman	1,040	1,107
Rasma Corporation Sdn Bhd	Syarikat bersekutu pemegang saham utama	Bekalan pensteril dan peralatan berkaitan	4,117	—
Kualiti Alam Sdn Bhd	Anak syarikat pemegang saham utama	Pembekal perkhidmatan rawatan dan pelupusan sisa berjadual	306	213
RZA – Taiun Sdn Bhd	Para pengarah dan orang yang terhubung dengan mereka	Pembekal perkhidmatan pengiriman muatan	154	112

26 URUSNIAGA PIHAK BERKAITAN YANG PENTING (samb.)

Para pengarah Syarikat berpendapat bahawa urusniaga di atas telah dipersetujui menurut rundingan yang dicapai:

- (i) syarat yang saksama dan berasaskan perdagangan biasa;
- (ii) syarat yang tidak memberi kelebihan kepada pihak yang berkaitan berbanding dengan yang tersedia untuk orang awam; dan
- (iii) tak merosakkan kepentingan pemegang saham minoriti.

27 LAPORAN SEGMENT

Kumpulan	Pengilangan farmaseutikal RM'000	Perdagangan, pemasaran, pengagihan farmaseutikal dan e-perkhidmatan RM'000	Produk dan perkhidmatan perubatan RM'000	Lain-lain operasi RM'000	Penghapusan RM'000	Disatukan RM'000
2004						
Hasil						
Penjualan luar	10,121	703,478	86,392	—	—	799,991
Penjualan antara segmen	93,587	32,421	—	26,110	(152,118)	—
	103,708	735,899	86,392	26,110	(152,118)	799,991
Keputusan						
Keputusan segmen	26,038	42,106	18,145	25,511	(25,036)	86,764
Perbelanjaan korporat tidak diagihkan						(560)
Keuntungan dari operasi						86,204
Perbelanjaan faedah	—	(1,924)	—	—	—	(1,924)
Pendapatan faedah	—	108	—	—	—	108
Bahagian keputusan syarikat bersekutu						(2,610)
Keuntungan dari aktiviti biasa sebelum cukai						81,778
Cukai						(18,705)
Keuntungan dari aktiviti biasa setelah cukai						63,073
Kepentingan minoriti						(12,238)
Keuntungan bersih bagi tahun semasa						50,835

nota-nota kepada penyata kewangan – 31 Disember 2004 (samb.)

27 LAPORAN SEGMENT (samb.)

Kumpulan	Pengilangan farmaseutikal RM'000	Perdagangan, pemasaran, pengagihan farmaseutikal dan e-perkhidmatan RM'000	Produk dan perkhidmatan perubatan RM'000	Lain-lain operasi RM'000	Penghapusan RM'000	Disatukan RM'000
2004						
Maklumat Lain						
Aset segmen	177,593	387,537	55,212	585	—	620,927
Pelaburan dalam bersekutu	—	125	—	19	—	144
Aset korporat tidak diagihkan						8,265
Jumlah aset yang disatukan						629,336
Liabiliti segmen	23,075	296,909	24,067	4	—	344,055
Liabiliti korporat tidak diagihkan						437
						344,492
Perbelanjaan modal ke atas hartanah, loji dan peralatan dan aset tidak ketara (termasuk pembelian melalui pengambilalihan anak syarikat)	20,234	22,068	139	—	—	42,441
Susutnilai	6,705	9,803	812	—	—	17,320
Perbelanjaan bukan tunai selain susutnilai	474	7,200	371	—	—	8,045

27 LAPORAN SEGMENT (samb.)

Kumpulan	Pengilangan farmaseutikal RM'000	Perdagangan, pemasaran, pengagihan farmaseutikal dan e-perkhidmatan RM'000	Produk dan perkhidmatan perubatan RM'000	Lain-lain operasi RM'000	Penghapusan RM'000	Disatukan RM'000
2003						
Hasil						
Penjualan luar	7,713	594,594	30,297	—	—	632,604
Penjualan antara segmen	82,246	24,687	214	9,510	(116,657)	—
	89,959	619,281	30,511	9,510	(116,657)	632,604
Keputusan						
Keputusan segmen	29,573	34,433	7,152	8,339	(9,370)	70,127
Perbelanjaan korporat tidak diagihkan						(665)
Keuntungan dari operasi						69,462
Perbelanjaan faedah	—	(2,655)	—	—	—	(2,655)
Pendapatan faedah	—	34	—	—	—	34
Keuntungan dari aktiviti biasa sebelum cukai						66,841
Cukai						(19,371)
Keuntungan dari aktiviti biasa setelah cukai						47,470
Kepentingan minoriti						(6,714)
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan						40,756

nota-nota kepada penyata kewangan – 31 Disember 2004 (samb.)

27 LAPORAN SEGMENT (samb.)

Kumpulan	Pengilangan farmaseutikal RM'000	Perdagangan, pemasaran, pengagihan farmaseutikal dan e-perkhidmatan RM'000	Produk dan perkhidmatan perubatan RM'000	Lain-lain operasi RM'000	Penghapusan RM'000	Disatukan RM'000
2003						
Maklumat Lain						
Aset segmen	166,402	323,279	53,739	2	—	543,422
Pelaburan dalam bersekutu	—	125	—	1,219	—	1,344
Aset korporat tidak diagihkan						3,842
Jumlah aset yang disatukan						548,608
Liabiliti segmen	24,453	250,920	31,094	—	—	306,467
Liabiliti korporat tidak diagihkan					—	458
Jumlah liabiliti yang disatukan						306,925
Perbelanjaan modal ke atas hartanah, loji dan peralatan dan aset tidak ketara (termasuk pembelian melalui pengambilalihan anak syarikat)	31,494	13,703	661	—	—	45,858
Susutnilai	6,197	7,402	1,105	—	—	14,704
Perbelanjaan bukan tunai selain susutnilai	287	4,542	(669)	—	—	4,160

27 LAPORAN SEGMENT (samb.)

Maklumat segment disediakan berhubung dengan segment perniagaan Kumpulan. Format utama segment perniagaan adalah berdasarkan struktur pengurusan dan laporan dalaman Kumpulan.

Keputusan segment, aset segment dan liabiliti segment meliputi semua perkara-perkara yang dihasilkan oleh segment termasuk perkara-perkara yang secara wajar boleh diperuntukkan. Perkara-perkara yang tidak boleh diperuntukkan adalah aset yang mendatangkan faedah, pinjaman yang mendatangkan faedah, nilai muhibah, hutang cukai, cukai yang boleh diperolehi, cukai tertunda, pinjaman jangka panjang dan perbelanjaan korporat.

Hasil segment, perbelanjaan segment dan keputusan segment juga meliputi pemindahan antara segment. Harga yang dikenakan ke atas urusan antara segment adalah sama dengan harga untuk barangan yang sama dengan syarat yang saksama dengan pihak luar Kumpulan. Pemindahan-pemindahan ini dihapuskan setelah penyatuan.

Segment-segment perniagaan utama Kumpulan dan aktiviti perniagaan masing-masing adalah:

Segment perniagaan	Kegiatan perniagaan
Pekilangan farmaseutikal	Pekilangan produk-produk farmaseutikal.
Perniagaan, pemasaran, pengagihan farmaseutikal dan e-perkhidmatan	Pembelian, penyimpanan, pengagihan dan pemasaran produk-produk farmaseutikal dan perubatan. Penyediaan perkhidmatan penyelesaian teknologi maklumat dan sokongan sistem.
Produk-produk dan perkhidmatan perubatan	Pembekalan dan pemasangan peralatan perubatan dan peralatan hospital. Perdagangan produk diagnostik klinikal.
Operasi-operasi lain	Pemegangan pelaburan.

28 RINGKASAN KESAN PENGAMBILALIHAN ANAK-ANAK SYARIKAT

(a) Pada 1 Disember 2004, sebuah anak syarikat milik penuh Syarikat, Esteem Interpoint Sdn. Bhd. telah menyelesaikan pengambilalihan ke atas PT Millennium Pharmacon International Tbk ("MPI"). Bagi tujuan penyediaan penyata kewangan yang disatukan bagi tahun kewangan semasa, tarikh pengambilalihan efektif telah ditunda kepada 31 Disember 2004. Para Pengarah berpendapat bahawa kesan penundaan penyatuan MPI tidak ketara kepada penyata kewangan Kumpulan. Jika keputusan MPI diambilkira dari tarikh penyelesaian pengambilalihan, kesan kepada penyata kewangan Kumpulan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2004	2003
	RM'000	RM'000
Hasil	17,168	6,298
Kos penjualan	(15,874)	(5,158)
Keuntungan kasar	1,294	1,140
Pendapatan operasi lain	27	—
Kos penjualan dan pengagihan	(262)	(122)
Perbelanjaan pentadbiran	(919)	(91)
Keuntungan daripada operasi	140	927
Kos kewangan	(128)	—
Keuntungan sebelum cukai dan perkara luar biasa	12	927
Cukai	434	—
Keuntungan selepas cukai dan sebelum perkara luar biasa	446	927
Perkara luar biasa	(397)	—
Keuntungan selepas cukai	49	927
Tolak: Bahagian keuntungan kepentingan minoriti	(22)	—
Peningkatan dalam keuntungan bersih Kumpulan	27	927

Pengambilalihan pada tahun lepas merujuk kepada pengambilalihan Safire Pharmaceuticals (M) Sdn. Bhd yang mana keputusan telah disatukan dengan penyata kewangan Kumpulan pada tahun 2003.

28 KESAN TERUS PENGAMBILALIHAN ANAK-ANAK SYARIKAT (samb.)

(b) Kesan pengambilalihan anak-anak syarikat ke atas kedudukan kewangan Kumpulan pada akhir tahun adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2004 RM'000	2003 RM'000
Hartanah, loji dan peralatan	1,831	19,164
Inventori	10,872	4,298
Amaun terhutang daripada syarikat berkaitan	—	3,177
Penghutang perdagangan	12,368	4,450
Lain-lain penghutang	2,135	596
Deposit tetap dengan bank berlesen	1,058	251
Tunai dan baki bank	2,352	598
